

PASUKAN ISB TEWASKAN CHMS BSB

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

GADONG, Rabu, 16 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Separuh Akhir Bola Keranjang antara Pasukan Antarabangsa Brunei (ISB) dan Pasukan Chung Hwa Middle School (CHMS) Bandar Seri Begawan (BSB) bagi Kategori Perempuan Bawah 18 tahun (B-18) pada Kejohanan Bola Keranjang antara Sekolah AEWON PPE Ke-4 2026, hari ini.

>> Muka 3



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Separuh Akhir Bola Keranjang bagi Kategori Perempuan Bawah 18 tahun (B-18) pada Kejohanan Bola Keranjang antara Sekolah AEWON PPE Ke-4 2026.



Berita Utama



UTB hargai sumbangan tenaga akademik, bukan akademik, graduan

Muka 6

Teroka kerjasama praktikal menangani cabaran keselamatan serantau, global

Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 17 September. - Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff telah menghadiri Forum Xiangshan Beijing Ke-13 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Beijing pada 15 hingga 17

September 2026.

Turut menyertai delegasi tersebut ialah Komandan Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ILABDB), Leftenan Kolonel Pengiran Aeddie Masjaffrie bin Pengiran Haji Md. Ja'afar dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan.

Dianjurkan bersama oleh China Association for Military Science (CAMS) dan

China Institute for International Strategic Studies (CISS), forum pada tahun ini bertemakan 'Build Consensus on Stability, Advance Security Governance Together'.

Sesi Pembukaan Forum tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan Nasional, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Laksamana Dong Jun yang turut menyampaikan ucapan.

>> Muka 3

Terus memperkukuh kualiti, keselamatan perkhidmatan kesihatan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama dengan negara-negara di seluruh dunia menyambut Hari Keselamatan Pesakit Sedunia pada 17 September setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat, kefahaman global dan tindakan bersama dalam meningkatkan keselamatan pesakit, selaras dengan Resolusi Perhimpunan Kesihatan Sedunia WHA72.6.

Pada tahun ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menetapkan tema sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia, iaitu 'Penjagaan Selamat bagi Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit' (Safe Care for Noncommunicable Diseases - NCDs), dengan slogan 'Penjagaan Selamat Sepanjang Hayat!'

>> Muka 5

NBD-Malaysia terus perkukuh hubungan istimewa, kerjasama dua hala

Oleh : Nooratini Haji Abas

JERUDONG, Rabu, 16 September. - Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menganjurkan Majlis Resepsi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia Ke-69 dan Hari Malaysia 2026 bertempat di Royal Berkshire Hall, Tarindak D'Polo, di sini.

Majlis berkenaan dihadiri lebih 250 tetamu yang terdiri daripada golongan kenamaan, ahli kor diplomatik, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai kanan kerajaan, ahli akademik, tokoh perniagaan terkemuka, serta wakil daripada komuniti Malaysia.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu;

dan isteri, yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD dan Malaysia, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan.

Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan dalam ucapannya menekankan hubungan istimewa antara Malaysia dan NBD yang telah terjalin selama lebih empat dekad, hubungan yang bukan sahaja didorong oleh kedudukan geografi yang berdekatan, malah oleh persahabatan sejati, nilai-nilai bersama, serta hasrat untuk melihat rakyat kedua-dua buah negara menikmati kemakmuran bersama.

>> Muka 4



USAHA memperkukuh tadbir urus syariah dalam kewangan Islam

Muka 9



BIBD perkasa generasi usahawan masa hadapan

Muka 11



PMKS tulang belakang ekonomi negara

Muka 20

Atlet negara diseru berjuang dengan penuh semangat di Sukan Asia

Bismillaahir Rahmaanir Rahim,
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,

ALHAMDULILLAH dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala kita sekali lagi dapat berhimpun pada pagi ini bagi Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan Asia Ke-20 Aichi / Nagoya, Jepun 2026. Selawat dan Salam, ke atas Rasul junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, sahabat-sahabat, serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya sukacita ingin merakamkan, ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di atas sokongan yang diberikan kepada Majlis Olimpik Kebangsaan NBD bagi menghantar satu kontinjen dalam dua acara sukan iaitu sukan karate seramai seorang atlet lelaki dan Sukan wusu seramai lima orang atlet yang terbahagi kepada seorang atlet wanita dan empat orang atlet lelaki, dengan diiringi oleh seorang pegawai urus setia, seorang ahli fisioterapi, tiga orang jurulatih, dan seorang Chef de Mission.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada atlet-atlet yang telah terpilih bagi mewakili negara.

Saya berharap agar atlet-atlet dapat memanfaatkan kesempatan dan

kepercayaan yang telah diberikan ini dengan sebaik-baiknya. Berikanlah saingan yang terbaik kepada setiap lawan, di samping memegang amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh dedikasi serta komitmen.

Saya telah dimaklumkan oleh Urus Setia Kontinjen Negara di mana penginapan bagi pasukan wusu semasa di Sukan Asia nanti ialah di Kapal Persiaran ataupun *Cruise Ship*, bersama dengan atlet-atlet dari negara-negara lain. Sememangnya, suasana dan *atmosphere* penginapan di atas kapal persiaran adalah sesuatu yang berbeza jika dibandingkan dengan penginapan di hotel.

Sehubungan itu, saya ingin mengingatkan semua atlet khususnya atlet wusu agar sentiasa menumpukan perhatian dan memberikan fokus sepenuhnya sepanjang berlangsungnya pertandingan nanti. Janganlah perbezaan suasana penginapan atau perkara-perkara di luar gelanggang, menjadi gangguan ataupun batu penghalang, kepada usaha untuk memberikan persembahan dan prestasi yang terbaik.

Berjuanglah dengan penuh kesungguhan dan semangat kesukanan, demi mengharumkan nama NBD, di Sukan Asia Ke-20 kerana Sukan Asia adalah sukan terbesar di benua Asia anjuran Olympic Council of Asia (OCA).

Di samping itu, saya juga ingin mengingatkan kepada semua atlet-atlet, dan pegawai-pegawai, yang akan ke Sukan Asia Ke-20 untuk sentiasa menjaga disiplin serta mematuhi dan menghormati

apa jua peraturan dan garis pandu, yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

Atlet-atlet juga hendaklah sentiasa menjauhkan diri daripada semua bahan terlarang, dan mematuhi segala akta peraturan, serta ketetapan berkaitan *anti-doping*, yang dikuatkuasakan oleh World Anti-Doping Agency (WADA).

Kepada semua pegawai dan jurulatih Kontinjen yang akan ke Sukan Asia Ke-20 nanti, abis kita hendaklah sentiasa memastikan, aspek Safeguarding Athlete, diberikan perhatian yang sewajarnya. Kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan atlet-atlet, hendaklah sentiasa menjadi keutamaan di sepanjang penyertaan di Sukan Asia Ke-20 nanti. Perkara ini adalah merupakan antara aspek yang amat dititik-beratkan oleh Majlis Olimpik Kebangsaan NBD yang selaras dengan matlamat Olympic Council of Asia bagi memastikan para atlet, dapat menjalani pertandingan dalam suasana yang selamat, sihat dan kondusif.

Walaupun penyertaan negara pada kali ini hanya melibatkan seorang atlet wanita, namun penyertaan seorang atlet wanita ini adalah amat signifikan kerana ini mencerminkan komitmen berterusan negara, dalam mempromosikan penyertaan wanita dalam bidang sukan secara inklusif di samping memperkukuhkan usaha ke arah pemerdayaan wanita dalam bidang sukan di masa akan datang.

Berikutnya, sini saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih, kepada persatuan-persatuan sukan kebangsaan, serta ibu bapa yang terlibat kerana sentiasa memberikan sokongan,



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen NBD Ke Sukan Asia Ke-20 Aichi / Nagoya Japan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada Isnin, 14 September 2026.

dorongan dan komitmen yang berterusan kepada atlet-atlet, yang akan menyertai Sukan Asia Ke-20 di Aichi / Nagoya, Jepun.

Akhirnya saya berdoa semoga kontinjen negara yang terdiri dari atlet-atlet, jurulatih dan pegawai akan sentiasa sihat walafiat dan dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, Wabillahi Taufeq WalHidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
SEPTEMBER	RABIULAKHIR									
MASIH	HARI	HILIRAH	MSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	SABTU	7	4.43	4.53	6.10	6.33	12.15	3.21	6.18	7.27
20	AHAD	8	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.18	7.27
21	ISNIN	9	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.17	7.26
22	SELASA	10	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.26
23	RABU	11	4.42	4.52	6.09	6.32	12.14	3.21	6.16	7.25
24	KHAMIS	12	4.42	4.52	6.09	6.31	12.14	3.22	6.16	7.25
25	JUMAAT	13	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
34 25 °C	33 24 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
34 25 °C	32 24 °C	32 24 °C	
Pekan Tutong			
34 25 °C	33 25 °C	32 24 °C	
Kuala Belait			
34 25 °C	33 23 °C	32 23 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 19 SEPTEMBER 2026

Kebaikan kecil di mata manusia, mungkin besar nilainya untuk penerima

DALAM kehidupan seharian yang serba sibuk, kita kadang-kadang menangguk niat baik dengan alasan "besok saja" atau "nanti bila ada masa". Sikap bertangguh ini adalah musuh utama dalam amalan berbuat baik. Hakikatnya, kebaikan tidak mengenal waktu, tempat, atau keadaan. Jika kita sentiasa menunggu saat yang "sempurna", mungkin peluang itu tidak akan datang lagi.

Mengapa kita cenderung untuk menunggu? Selalunya, ia berpunca daripada rasa rendah diri. Kita berfikir bahawa bantuan kita terlalu kecil untuk memberi kesan, atau kita merasakan kita belum cukup mampu dari segi kewangan dan tenaga. Namun, kebaikan tidak semestinya berbentuk wang ringgit atau usaha yang besar. Senyuman ikhlas, mendengar keluhan rakan, atau sekadar membantu mengangkat barang orang tua di jalan raya sudah cukup untuk menceriakan hari seseorang. Kebaikan yang kecil di mata manusia, mungkin sangat besar nilainya di hati penerima.

Menanggukkan kebaikan juga memberi ruang kepada peluang itu untuk hilang. Peluang untuk membantu mungkin hanya datang sekali seumur hidup. Apabila kita menolak peluang itu, kita bukan sahaja merugikan orang lain, malah kita kehilangan peluang untuk meraih pahala dan keberkatan. Selain itu, melakukan kebaikan secara spontan memberi kesan psikologi yang positif kepada diri kita. Kajian menunjukkan bahawa membantu orang lain tanpa mengharapkan balasan dapat menurunkan tekanan darah dan meningkatkan rasa gembira. Jika kita menunggu, kita hanya menanggukkan perasaan gembira tersebut. Apabila kita melakukan kebaikan, ia akan memberi inspirasi kepada orang lain untuk melakukan perkara yang sama. Rantainya ini akan mewujudkan masyarakat yang lebih penyayang dan harmoni.

Justeru, jangan biarkan alasan kesibukan menghalang kita daripada berbuat baik. Mulakan sekarang, walau dengan langkah kecil. Jangan tunggu sehingga kita kaya untuk bersedekah, jangan tunggu sehingga kita lapang untuk menolong, dan jangan tunggu sehingga orang lain meminta bantuan. Jadilah individu yang proaktif dalam menyebarkan kasih sayang. Ingatlah, setiap detik yang kita tunggu adalah peluang yang hilang. Lakukan kebaikan hari ini, kerana esok belum tentu menjadi milik kita.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah Ayat 195, tafsirnya: "Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan". - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Pasukan ISB tewaskan CHMS BSB

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Menyertai kejohanan yang berlangsung di Gelanggang Bola Keranjang Persatuan Bola Keranjang Brunei (BBA) ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang mewakili Pasukan ISB.

CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyertai kejohanan yang berlangsung di Gelanggang Bola Keranjang Persatuan Bola Keranjang Brunei (BBA).

Dalam perlawanan tersebut, Pasukan ISB berjaya menewaskan Pasukan CHMS BSB dengan pungan mata 62 - 32. Kejohanan yang bermula pada 31 Ogos 2026 hingga 20 September 2026 ini merupakan

anjaran BBA dengan sokongan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan. Pada tahun ini, sebanyak 16 buah sekolah akan berentap bagi merebut gelaran juara dalam kejohanan berkenaan.



TEROKA KERJASAMA PRAKTIKAL MENANGANI CABARAN KESELAMATAN SERANTAU, GLOBAL



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Forum Xiangshan Beijing Ke-13 yang telah berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Beijing baru-baru ini (atas kiri dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

>> Muka 1

Dalam ucapamannya, Tuan Yang Terutama Laksamana Dong Jun menyeru agar kesepakatan dan kerjasama praktikal dalam tadbir urus keselamatan global terus diperkukuh. Beliau menekankan kepentingan dialog dan rundingan, multilateralisme, pembangunan bersama serta usaha secara kolektif untuk menangani cabaran keselamatan tradisional dan bukan tradisional, termasuk cabaran yang timbul daripada teknologi baharu.

Hampir 100 delegasi rasmi

dari negara, rantau dan pertubuhan antarabangsa, termasuk lebih 60 pegawai di peringkat menteri dan wakil ketenteraan kanan, telah menyertai forum tersebut bersama para pakar dan cendekiawan untuk membincangkan cabaran utama keselamatan di peringkat serantau dan global.

Program forum tersebut menampilkan empat sesi plenari dan lapan sesi selari yang antara lain memfokuskan perbincangan mengenai ketertiban antarabangsa dan kestabilan strategik; konflik setempat serta jalan

ke arah penyelesaian; risiko dan cabaran terhadap keselamatan dan kestabilan di Asia-Pasifik; tadbir urus keselamatan maritim; serta aplikasi ketenteraan teknologi baharu.

Di samping forum tersebut, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II juga mengadakan mesyuarat dua hala bersama Tuan Yang Terutama Laksamana Dong Jun. Kedua-dua menteri mengesahkan semula hubungan pertahanan yang erat dan telah sekian lama terjalin antara Negara Brunei Darussalam dan

Republik Rakyat China, bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan keselamatan serantau dan antarabangsa, serta membincangkan peluang untuk terus memperkukuh kerjasama pertahanan yang praktikal.

Kedua-dua menteri turut menekankan kepentingan penglibatan berterusan melalui mekanisme yang diterajui ASEAN, khususnya Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus).

Ditubuhkan pada tahun 2006, Forum Xiangshan Beijing Ke-13 menandakan ulang tahun ke-20 pada

tahun ini. Sepanjang dua dekad yang lalu, forum tersebut telah berkembang daripada sebuah pertukaran dalam kalangan badan pemikir pertahanan kepada sebuah platform antarabangsa utama bagi dialog keselamatan dan pertahanan.

Forum ini menyediakan wadah inklusif bagi pegawai kanan, institusi pertahanan, pertubuhan antarabangsa dan komuniti strategik untuk bertukar-tukar pandangan, membina persefahaman bersama serta meneroka kerjasama praktikal dalam menangani cabaran keselamatan serantau dan global yang semakin berkembang.

NBD berada dalam Monsun Barat Daya hingga 21 September

Siaran Akhbar : Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada dalam Monsun Barat Daya, yang dijangka berterusan sehingga bulan September 2026. Keadaan cuaca aktif diramalkan bermula hari ini, Rabu, 16 September 2026 hingga Isnin, 21 September 2026.

Hujan lebat dan berpetir

dijangka sekali-sekala menjejaskan negara. Kelajuan angin boleh mencapai sehingga 45kmsj semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir. Manakala, keadaan laut di perairan NBD, pada amnya berombak di paras sedikit, dengan ketinggian di bawah 1.0 meter.

Orang ramai adalah

dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi kejadian banjir kilat, tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka

dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Kami akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat cuaca terkini boleh

diperoleh melalui aplikasi mudah alih Brunei WX, atau dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114.

Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.met.gov.bn serta mengikuti saluran rasmi kami di Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather), Telegram dan WhatsApp (Brunei Weather).

NBD-MALAYSIA TERUS PERKUKUH HUBUNGAN ISTIMEWA, KERJASAMA DUA HALA

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



>> Muka 1

Tuan Yang Terutama juga menggariskan pencapaian cemerlang dalam pelbagai kerjasama antara kedua-dua buah negara, termasuk dalam bidang ekonomi, pertahanan, pelancongan, dan pendidikan.

Di peringkat serantau, TYT turut menegaskan kembali komitmen

teguh Malaysia dalam menangani dinamika serantau dengan menggalakkan keyakinan bersama dan dialog melalui pendekatan diplomasi serta semangat muhibah.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat majlis dan isteri sebelum upacara simbolik memotong kek.

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan isteri, hadir selaku tetamu kehormat majlis, mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas dan kiri).

Bagi menyerlahkan elemen budaya Malaysia, para tetamu dihiburkan dengan persembahan muzik secara langsung dan tarian kebudayaan Malaysia, sambil menikmati pelbagai hidangan istimewa Malaysia.

Sebuah lukisan batik khas

berukuran satu meter turut dipamerkan pada Majlis Resepsi berkenaan, mencerminkan inisiatif diplomasi kebudayaan oleh Suruhanjaya Tinggi Malaysia dan Persatuan Isteri-Isteri Pegawai Diplomatik Kementerian Luar Negeri Malaysia (Perwakilan),

Bandar Seri Begawan.

Pameran berkenaan bertujuan mengetengahkan keunikan serta kehalusan seni batik Malaysia, sekali gus memperkenalkan warisan seni dan budaya Malaysia kepada para tetamu yang hadir.

Pendidikan ugama formal memperkasa sistem pendidikan, keseimbangan warisan ilmu



KATOK, Rabu, 16 September. - Tujuh dekad merupakan satu tempoh yang panjang dalam perjalanan pendidikan ugama formal di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Bermula dengan penubuhan sekolah-sekolah ugama pada 1956, sistem berkenaan terus berkembang dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan pendidikan dan keperluan masyarakat. Sepanjang tempoh berkenaan, pendidikan ugama memainkan peranan penting dalam memberikan asas pengetahuan ugama, di samping membentuk akhlak, sahsiah dan jati diri generasi muda.

Pada 16 September 1956, Sistem Pendidikan Ugama Formal mula dilaksanakan secara rasmi melalui penubuhan persekolahan ugama yang diasaskan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Penubuhan sekolah-sekolah ugama berkenaan menjadi antara titik penting dalam

sejarah pendidikan negara apabila pendidikan ugama mula dilaksanakan secara lebih tersusun melalui sistem persekolahan yang teratur.

Sejak itu, sistem berkenaan terus dikembangkan dan diperkukuh, termasuk dari segi kurikulum, sistem persekolahan serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Perkembangan berkenaan turut memperlihatkan peranan pendidikan ugama dalam membunai generasi yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman ugama serta mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.

Sehubungan itu, bagi memperingati 70 tahun perjalanan pendidikan ugama formal di negara ini, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi mengadakan Majlis Kemuncak Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal yang diadakan di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran

Anak Hajah Saleha, di sini.

Sambutan berkenaan mengangkat tema 'Tujuh Dekad Pendidikan Ugama : Evolusi, Transformasi dan Legasi', yang mengetengahkan perkembangan pendidikan ugama sepanjang tujuh dekad, usaha memperkasa sistem pendidikan serta keseimbangan warisan ilmu, nilai dan akhlak kepada generasi seterusnya.

Sepanjang sambutan, pelbagai aktiviti turut diadakan antaranya Peraduan Al-Quran (Murattal) secara berkumpulan bagi tenaga pengajar di bawah JPI, selain kejohanan futsal, badminton, bola jaring dan *tenpin* boling yang melibatkan jabatan-jabatan di bawah KHEU.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi acara kemuncak berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap, KHEU, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; serta pegawai-pegawai kanan KHEU.

Turut hadir, seramai 800

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi acara kemuncak tersebut (atas kiri). Manakala gambar atas, Forum Khas Bual Bicara yang merupakan pengisian utama acara kemuncak tersebut menampilkan dua ahli panel jemputan, iaitu Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Dayang Hajah Mastuyah binti Abdul Ghani.

pegawai dan tenaga pengajar di bawah KHEU.

Majlis berkenaan turut menyaksikan pelancaran buku 'Tujuh Dekad Pendidikan Ugama : Evolusi, Transformasi dan Legasi', diikuti dengan tayangan klip video bertajuk 'Tujuh Dekad Pendidikan Ugama Formal'.

Antara pengisian utama acara kemuncak ialah Forum Khas Bual Bicara yang membincangkan sejarah, perkembangan dan hala tuju pendidikan ugama formal sepanjang tujuh dekad.

Forum berkenaan menampilkan dua ahli panel jemputan, iaitu Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Dayang Hajah Mastuyah binti Abdul Ghani;

manakala Awang Haji Mohd. Jaya bin Haji Metussin selaku Moderator.

Persembahan lagu tema Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal, 'Generasi Beriman' turut memeriahkan majlis yang dipersembahkan oleh gabungan mahasiswa dan mahasiswi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), pelajar-pelajar sekolah Arab, sekolah-sekolah ugama dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkliah.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran dan Doa Pelihaaran Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Ugama, JPI, KHEU, Awang Mohammad Zamey bin Haji Nayan.

TERUS MEMPERKUKUH KUALITI, KESELAMATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN

>> Muka 1

Tema ini menekankan kepentingan penjagaan yang selamat, berkualiti dan berkesinambungan sepanjang hayat, selaras dengan keutamaan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan dan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Hari Keselamatan Pesakit Sedunia pada 17 September 2026.

Jelas Yang Berhormat lagi, penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit kardiovaskular, strok, diabetes, kanser, obesiti dan penyakit pernafasan kronik terus menjadi antara punca utama morbiditi, kehilangan upaya dan kematian pramatang di NBD.

Tambah Yang Berhormat, individu yang menghidap penyakit-penyakit berkenaan lazimnya memerlukan penjagaan kesihatan secara berterusan dan berpanjangan, termasuk pengambilan pelbagai jenis ubat-ubatan serta pemantauan dan rawatan susulan secara berkala.

"Pengurusan penyakit tidak berjangkit yang kompleks dan berpanjangan boleh meningkatkan risiko terhadap keselamatan pesakit, termasuk kesilapan dalam preskripsi dan pengurusan ubat-ubatan, kelewatan diagnosis serta penjagaan yang tidak bersepadu.

"Bagi pesakit yang menghidap lebih daripada satu penyakit dan menerima rawatan daripada beberapa orang pakar, penyelarasan yang tidak mencukupi boleh menyebabkan pelan rawatan bertindih atau bercanggah, sekali gus meningkatkan risiko interaksi ubat, kesan sampingan dan kemudaratan kepada pesakit.

"Oleh yang demikian, komunikasi yang jelas dan penyelarasan yang berkesan dalam kalangan pasukan kesihatan, pesakit dan keluarga, adalah sangat penting bagi memastikan kesinambungan penjagaan dan mengurangkan risiko kesilapan," kata Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menekankan pengesanan dan diagnosis yang betul serta tepat pada masanya juga merupakan antara aspek penting dalam

keselamatan pesakit. Kelewatan atau kesilapan diagnosis boleh menjejaskan kesihatan pesakit, di samping memberi implikasi kepada sistem penjagaan kesihatan dan ekonomi negara.

Laporan daripada Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) kata Yang Berhormat lagi, menganggarkan bahawa beban kewangan yang berkaitan dengan kelewatan diagnosis secara keseluruhannya boleh mencecah kira-kira 17.5 peratus daripada jumlah perbelanjaan penjagaan kesihatan.

Beban kewangan sedemikian tambah Yang Berhormat, merupakan sumber yang amat bernilai dan berpotensi untuk dimanfaatkan dengan lebih berkesan melalui penguatkuasaan usaha pencegahan, saringan, pengesanan awal serta intervensi dan rawatan yang bersesuaian.

"Apa yang lebih membimbangkan ialah kos dan beban rawatan akibat diagnosis yang terlepas atau lewat terus meningkat dari tahun ke tahun. Tekanan darah tinggi yang tidak dikesan, misalnya, boleh mengakibatkan strok, manakala diabetes yang tidak didiagnosis atau tidak dikawal dengan baik boleh membawa kepada komplikasi serius seperti kegagalan buah pinggang, kehilangan penglihatan dan amputasi.

"Kelewatan ini semuanya meningkatkan risiko komplikasi, termasuk ke hospital secara berulang serta perbelanjaan penjagaan kesihatan yang sebenarnya boleh dielakkan. Oleh itu, pelaburan dalam memperkukuh keupayaan pengesanan dan diagnosis awal merupakan langkah penting dalam mengurangkan beban penyakit serta kos rawatan dalam jangka masa yang panjang," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menjelaskan siasatan terhadap punca kesilapan diagnosis turut menunjukkan bahawa hampir 70 peratus daripadanya berlaku semasa proses ujian dilaksanakan, sama ada pada peringkat ujian sampel, memperoleh keputusan ujian sampel ataupun ketika penyampaian keputusan ujian sampel. Manakala, 12 peratus lagi berlaku pada peringkat pemantauan dan susulan rawatan.

Dapatan ini kata Yang Berhormat lagi, menunjukkan bahawa sebahagian besar cabaran berkenaan berpunca daripada kelemahan dalam sistem dan proses penjagaan. Kelemahan sistem, bagaimanapun, merupakan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

aspek yang boleh dikenal pasti, diperbaiki dan diperkukuh melalui penambahbaikan proses, tadbir urus klinikal dan amalan kerja yang lebih selamat.

Dalam usaha untuk meningkatkan penjagaan kesihatan yang lebih selamat bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit, Yang Berhormat seterusnya menegaskan peranan para pesakit dan keluarga adalah sangat penting kerana setiap individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit lazimnya mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai keadaan kesihatan, rawatan serta keperluan mereka sendiri.

Ahli keluarga kata Yang Berhormat lagi, merupakan seseorang yang sangat berharga dalam mengenal pasti risiko dan mencegah kesilapan. Kementerian Kesihatan turut menyediakan platform MOHcares sebagai salah satu saluran bagi orang ramai menyampaikan aduan, maklum balas dan cadangan berkaitan perkhidmatan kesihatan.

Melalui Bahagian Perhubungan Korporat, Kementerian Kesihatan juga ujar Yang Berhormat, setiap maklum balas yang diterima dapat disalurkan kepada pihak yang berkaitan untuk penelitian dan tindakan susulan yang sewajarnya.

"Pendekatan ini adalah penting dalam mengenal pasti ruang penambahbaikan, menangani isu yang dibangkitkan serta memperkukuh kualiti dan keselamatan perkhidmatan kesihatan secara berterusan.

"Kementerian Kesihatan turut komited dalam memberikan komitmen yang tinggi dalam menangani penyakit-penyakit tidak berjangkit melalui pelaksanaan pelbagai pelan tindakan di peringkat kebangsaan termasuk usaha-usaha yang selaras dengan pelan pembangunan jangka panjang negara, antaranya Pelan Tindakan Pelbagai Sektor bagi Pencegahan dan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit Negara Brunei Darussalam (BruMAP-NCD) berlandaskan pendekatan seluruh kerajaan dan seluruh masyarakat, dengan struktur tadbir urus kementerian-kementerian yang menghimpunkan dan agensi-agensi yang berkaitan bersama-sama dalam usaha menangani penyakit tidak berjangkit yang merangkumi aspek pencegahan, pengesanan awal, rawatan serta susulan dan pengurusan jangka panjang," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan Wawasan Brunei 2035 berhasrat untuk mencapai taraf hidup yang tinggi dan setanding dengan negara maju. Sehubungan itu, penyediaan penjagaan kesihatan yang selamat, berkualiti dan berkesinambungan, khususnya bagi penyakit tidak berjangkit, adalah penting dalam memelihara kesihatan, produktiviti dan kesejahteraan rakyat.

Sempena Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia ini, Yang Berhormat ingin mengambil kesempatan berkenaan menyeru kepada semua pihak agar memainkan peranan masing-masing dalam memperkukuh keselamatan pesakit, khususnya warga kerja kesihatan, agar sentiasa mengutamakan ketepatan diagnosis, keselamatan dalam penggunaan ubat-ubatan serta ketepatan masa dalam pelaksanaan susulan rawatan bagi setiap pesakit yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit.

Yang Berhormat seterusnya menyeru para pemimpin dan pentadbir kesihatan, agar terus memperkukuh sistem pelaporan serta pembelajaran daripada insiden, tadbir urus klinikal dan usaha penambahbaikan kualiti secara berterusan; manakala para pesakit bersama keluarga, agar melibatkan diri secara aktif sebagai rakan kongsi dalam penjagaan kesihatan mereka sendiri, termasuk menghadiri temu janji yang telah ditetapkan, mematuhi rawatan yang dipreskripsikan serta menyuatkan sebarang kebimbangan yang timbul.

"Masyarakat umum, agar memberikan sokongan kepada usaha Kementerian Kesihatan dalam menggalakkan amalan pemakanan sihat, meningkatkan aktiviti fizikal serta memperkukuh kawalan tembakau, agar lebih ramai rakyat dan penduduk negara ini dapat mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit serta komplikasi sejak dari peringkat awal.

"Akhirnya, sempena Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2026 ini, marilah kita memperbaharui komitmen sebagai sebuah kementerian, sebuah sistem kesihatan dan sebuah negara untuk memastikan setiap pesakit di NBD yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit menerima penjagaan yang selamat dan berkualiti," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.



Hari Keselamatan Pesakit Sedunia
17 September 2026



Penjagaan Selamat bagi Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERIDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

UTB HARGAI SUMBANGAN TENAGA AKADEMIK, BUKAN AKADEMIK, GRADUAN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Rabu, 16 September. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengiktiraf pencapaian cemerlang warga universiti berkenaan pada Majlis Anugerah Cemerlang UTB 2026 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini, hari ini.

Majlis yang diadakan bersempena dengan Majlis Konvokesyen UTB Ke-14, Tahun 2026 berkenaan mengiktiraf sumbangan tenaga akademik dan bukan akademik, pelajar serta graduan dalam bidang pengajaran, penyelidikan, inovasi, kepimpinan, perkhidmatan profesional dan pembangunan pelajar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Chen Shaochun; Naib Canselor UTB, Profesor Madya Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra; Ahli-ahli Majlis UTB, pegawai-pegawai kanan universiti, tenaga akademik dan bukan akademik; serta para pelajar, graduan, penaja dan jemputan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Naib Canselor UTB.

Naib Canselor UTB dalam ucapannya berkata, pengiktirafan yang diterima bukanlah titik akhir kepada kecemerlangan, sebaliknya membawa tanggungjawab lebih besar kepada para penerima.

"Pengiktirafan itu membawa satu tanggungjawab yang lebih besar, iaitu untuk terus memperbaiki diri, berkongsi pengalaman, membantu rakan-rakan di sekeliling kita dan bersama-sama mengangkat institusi ini ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

Beliau turut berharap semangat berkenaan terus membentuk budaya kerja di UTB berteraskan satu UTB, satu pasukan dan satu visi bersama.

Naib Canselor UTB turut berkata, seramai 105 graduan dan pelajar UTB menerima pengiktirafan pada tahun ini dalam pelbagai kategori.

Beliau juga menyeru para graduan dan pelajar untuk menjadikan pengiktirafan berkenaan sebagai dorongan untuk terus melangkah lebih jauh serta membawa nama baik UTB walau di mana mereka meneruskan perjalanan selepas tamat pengajian.

"Setiap graduan kita merupakan

duta universiti," katanya.

"Graduan UTB bukan sahaja perlu dikenali kerana pengetahuan dan kemahiran, malah perlu membawa nilai integriti, profesionalisme, sifat rendah hati serta kesediaan untuk menyumbang kepada masyarakat," ujarinya lagi.

Majlis Anugerah Cemerlang berkenaan merupakan platform tahunan UTB bagi mengiktiraf individu dan kumpulan yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang masing-masing serta menyumbang kepada pembangunan universiti secara keseluruhan.

Pelbagai kategori anugerah disampaikan pada tahun ini termasuk Staff Excellence Award (SEA), Research Excellence Award, Administrative Excellence Award, Chancellor's Award, Graduate Excellence Award, Publication Award, Student Achievement Passport (SAP) Award, TechExpo 40 Project Showcase dan People's Choice Award.

Seramai 20 tenaga akademik dan kakitangan cemerlang diiktiraf menerusi Anugerah Kecemerlangan Kakitangan 2026 atas sumbangan mereka kepada universiti dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan pentadbiran termasuk penerima Anugerah Special Mention.

Penerima anugerah utama menerima plak kenang-kenangan, sijil pengiktirafan dan hadiah wang tunai.

Manakala penerima Anugerah Special Mention menerima sijil sebagai penghargaan atas sumbangan mereka.

Bagi Anugerah Research Excellence Award - Early Career Academic, tiga tenaga akademik menerima pengiktirafan, iaitu Penolong Profesor, Sekolah Perniagaan UTB, Dr. Shaista Wasiuzzaman; Penolong Profesor, Fakulti Kejuruteraan, Pengiran Dr. Seri Rahayu binti Pengiran Ya'akub; dan Pensyarah, Sekolah Sains Gunaan dan Matematik, Dr. Dayang Mas Munira binti Haji Rambli.

Bagi Kategori Mid-Career Academic, penerima ialah Penolong Profesor Kanan, Sekolah Pengkomputeran dan Informatik, Dr. Dayang Hajah Wida Susanty binti Haji Suhaili; dan Penolong Profesor Kanan, Fakulti Kejuruteraan, Dr. Nor Asiah Muhamad.

Sementara Profesor Madya Dr. Awang Lim Tiong Hoo dari Fakulti Kejuruteraan pula menerima pengiktirafan bagi Kategori Senior Career Academic.

Sementara itu, Anugerah Kecemerlangan Pentadbiran bagi kategori Academic Staff disampaikan kepada mantan Timbalan Dekan (Akademik),

Fakulti Kejuruteraan, Pengiran Dr. Seri Rahayu.

Bagi Kategori Management and Professional Category (Division I & II), penerimanya ialah Pegawai Kaunseling, Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), Pengiran Raden Tutimuliawati binti Pengiran Haji Mahmud; dan Pegawai Kebajikan Pelajar, Pejabat HEP, Dayang Siti Nuratika Sri Mu'minnah binti Mohamad Hadi Muslim.

Manakala, Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I, Perpustakaan UTB, Dayang Hajah Noraidah binti Haji Madin; Penolong Pegawai Kewangan Tingkat II, Pejabat Bendahari, Dayang Suzilawati binti Haji Hanafiah; dan Penolong Pegawai Projek, Sekolah Sains Gunaan dan Matematik, Dayang Norhaziqah Nabilah binti Haji Misli pula menerima anugerah bagi Kategori Administrative Support Staff (Division III).

Bagi Bahagian IV dan V pula, penerimanya ialah Pembantu Tadbir, Pejabat Pendaftar, Awang Muhammad Zaidin bin Abdul Qayyum Sirul; dan Penolong Pustakawan Kanan Tingkat I, Perpustakaan UTB, Dayang Hajah Rohana binti Haji Abdul Hamid.

Manakala seramai enam kakitangan turut menerima Anugerah Special Mention.

Bagi Teaching Excellence, pengiktirafan Special Mention disampaikan kepada Penolong Profesor Kanan, Fakulti Kejuruteraan, Dr. Bashir Suleman Abusahmin; Penolong Profesor, Fakulti Kejuruteraan, Dr. Wendy Ng Pei Qin; dan Pensyarah, Sekolah Sains Gunaan dan Matematik, Dr. Dayang Mas Munira.

Bagi Research Excellence - Early Career Academic, penerima Special Mention terdiri daripada Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan, Dr. Tan Yie Hua; dan Penolong Profesor, Fakulti Kejuruteraan, Dr. Denni Kurniawan.

Sementara mantan Timbalan Dekan (HEP), Pengiran Norhafizah binti Pengiran Haji Muhammad pula menerima Special Mention bagi Administrative Excellence Award bagi kategori Academic Staff.

Anugerah Kecemerlangan Kakitangan diperkenalkan pada 2015 dan disampaikan setiap tahun sebagai penghargaan terhadap sumbangan cemerlang tenaga akademik dan bukan akademik UTB serta peranan mereka dalam menyokong matlamat strategik universiti.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian Student Excellence Awards yang mengiktiraf pelajar dan graduan dalam pelbagai kategori mengikut sekolah dan fakulti masing-masing.

Anugerah berkenaan mengiktiraf individu yang menunjukkan pencapaian akademik cemerlang, dedikasi, kepimpinan, inovasi dan komitmen sepanjang pengajian di UTB.

TechExpo 40 Awards turut mengentengkan budaya inovasi UTB apabila 27 pelajar menerima pengiktirafan atas projek dan pencapaian cemerlang mereka.

Sementara itu, seramai 12 pelajar lain turut diiktiraf atas penyertaan dan pencapaian cemerlang dalam aktiviti kokurikulum yang merangkumi Outstanding Life Skill Achiever, Religious Award (Male), Religious Award (Female), Community Service Achiever, Culture Award,



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku tetamu kehormat majlis, semasa menyempurnakan penyampaian sijil (atas). Sementara gambar bawah kiri, suasana sekitar majlis berkenaan.

Sportsman and Sportswoman of UTB serta kategori Special Mention.

Kesemua anugerah berkenaan mencerminkan pendekatan holistik universiti dalam pembangunan pelajar dengan kecemerlangan akademik dilengkapi kepimpinan, sahsiah, penglibatan masyarakat, kreativiti dan pembangunan diri.

Dalam pada itu, Graduate Excellence Awards 2026 menerima tajaan daripada 44 organisasi dan institusi yang mewakili pelbagai sektor korporat, industri, kewangan, profesional, diplomatik dan masyarakat di NBD.

Antara penaja ialah Kedutaan Republik Rakyat China di NBD, Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), Armada Properties Sdn. Bhd., Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP), Hibiscus Petroleum, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Hengyi Industries Sdn. Bhd., Baiduri Bank, Insurans Islam TAIB General Takaful Sdn. Bhd., Haji Adinin and Sons (Brunei) Sdn. Bhd., British Computer Society, Muara Port Company Sdn. Bhd., Mekan Ceria Sdn. Bhd. / McDonald's Brunei, Aisha Trading Company Sdn. Bhd., Pertubuhan Ukur Jurutera dan Arkitek (PUJA), Hua Ho Agricultural Farm dan Ladang Tunas Harapan Sdn. Bhd., Han S.L. Sdn. Bhd., Comquest Sdn. Bhd., ASEAN-Korea Cooperation Fund (AKCF), Dynamik Technologies Sdn. Bhd., Belait Shipping Co. Sdn. Bhd., Ideal Group Holdings Sdn. Bhd., The Institution of Mechanical Engineers (IMEchE Brunei Group); The Institution of Engineering and Technology (IET); Micronet International College, Tendrill International Sendirian Berhad, SPI

BN Sdn. Bhd., Alif Technologies Sdn. Bhd., Shiham Sdn. Bhd., Exceltech Solutions Sdn. Bhd., Asterix United (Brunei) Sdn. Bhd., Jetwires Trading and Electrical Services; BR-Kelvin Pong Services; Masmariah Bridal Boutique and Tailoring; serta Liangskl Enterprise (Whatever Accessories).

Jumlah penajaan berkenaan mencerminkan keyakinan dan kerjasama berterusan pihak industri serta pihak berkepentingan dalam komuniti terhadap UTB dan para graduannya.

Sokongan berkenaan turut menyumbang kepada kejayaan majlis anugerah selain memberikan pengiktirafan dan galakan kepada pelajar berprestasi tinggi ketika melangkah ke peringkat seterusnya dalam perjalanan profesional dan kehidupan masing-masing.

UTB turut merakamkan penghargaan kepada semua penaja dan rakan strategik atas sumbangan serta sokongan berterusan dalam usaha memupuk bakat, mengiktiraf pencapaian dan memperkukuh hubungan universiti dengan pihak industri serta masyarakat.

Majlis Anugerah Cemerlang UTB 2026 menjadi wadah untuk meraikan pelbagai dimensi kecemerlangan universiti merangkumi pencapaian akademik dan penyelidikan, perkhidmatan profesional, inovasi, kepimpinan, penglibatan kokurikulum dan sumbangan kepada masyarakat.

Selain itu, ia turut mengukuhkan komitmen UTB dalam melahirkan graduan berkemahiran tinggi, inovatif, bertanggungjawab dan bersedia menyumbang kepada NBD serta peringkat antarabangsa.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



KEMENTERIAN KESIHATAN
 MINISTRY OF HEALTH
 PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
 Selamatkan Rias Awda

Memperkukuh kesiapsiagaan, daya tahan bencana negara

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Khamis, 17 September. - Majlis Penutup Latihan Bencana Kebangsaan Siri Kedua bagi Tahun 2026 (LBK 02/2026) telah diadakan petang tadi di Bridex Hall, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis penutup berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategik, Dasar dan Korporat), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Majlis penutup berkenaan menandakan kejayaan bagi latihan pasca-simulasi kebangsaan, yang direka khusus untuk menilai kecekapan koordinasi rentas agensi di bawah payung pengurusan bencana.

Latihan pada kali ini telah berjaya bertindak sebagai sebuah platform yang telus dalam usaha memperkukuh kesiapsiagaan operasi, memperjelas rantaian arahan, serta menguji kerangka pengurusan bencana yang menyeluruh dan bersepadu.

Di samping itu, latihan ini juga turut mencerminkan pendekatan secara komprehensif selaras dengan Rangka Kerja Dasar Strategik Pengurusan Bencana (Disaster Management Strategic Policy Framework - DMSPF), seterusnya menterjemahkan komitmen kerajaan dalam membangun ekosistem kedaya tahanan kebangsaan yang kukuh dan dinamik.

Latihan berskala makro ini menghimpunkan seramai 197 peserta daripada 39 agensi yang merangkumi agensi-agensi kerajaan termasuk agensi-agensi keselamatan, sektor swasta serta badan-badan bukan kerajaan.

Kehadiran inklusif daripada pelbagai kluster ini turut mencerminkan keberkesanan mobilisasi kebangsaan yang memperkemas sinergi operasional dan taktikal merentas semua lapisan rantaian tindak balas bencana.

Pengintegrasian rentas sektoral ini seterusnya turut menegaskan pendekatan Whole-of-Nation sebagai tonggak utama yang memperkukuh sistem pertahanan dan pengurusan bencana yang lestari dan berdaya tahan.

Dalam ucapan penutupnya, Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategik, Dasar dan Korporat) merakamkan penghargaan yang tinggi atas kejayaan perlaksanaan Latihan Bencana Kebangsaan (LBK) pada tahun ini.

Beliau menyifatkannya sebagai landasan penandaarasan strategik dalam memantapkan rangka kerja kedaya tahanan nasional.

Awang Abdul Walid turut menegaskan bahawa landskap ancaman bencana kontemporari kini beralih kepada ancaman bencana yang semakin kompleks, realiti dinamik ini secara tidak langsung menuntut transformasi keupayaan tindak balas yang holistik.

Menurutnya, pengurusan bencana masa kini wajib berteraskan logik yang berbandukan data (*data-driven logic*), disokong oleh tahap keserasian (*interoperability*) yang tinggi, serta beroperasi di bawah keselarasan rantaian arahan dan kawalan (*chain of command*) yang utuh di semua peringkat kementerian dan agensi.

Pendekatan proaktif ini, tambahnya, amat penting bagi memastikan seluruh instrumen

pengurusan bencana negara sentiasa bersiap sedia dan berdaya tahan dalam memelihara kesejahteraan rakyat dan keselamatan infrastruktur kritikal negara.

LBK bagi tahun ini telah dilaksanakan secara komprehensif menerusi dua siri latihan.

Siri Pertama telah berlangsung pada 23 hingga 25 Jun 2026, manakala Siri Kedua diadakan pada 15 hingga 17 September 2026.

Kitaran latihan bersepadu ini menjadikan agenda semakan dan pengesahan Prosedur Operasi Standard Kebangsaan (NASOP) sebagai teras pengujian utama.

Secara khususnya, fasa LBK 02/2026 pada kali ini memberikan penumpuan dinamik terhadap pelaksanaan operasi serta tahap keserasian (*interoperability*) rentas agensi, berpandukan struktur DMSPF dan Pelan Tindak Balas Bencana Inventori Peringkat Kebangsaan (National Inventory Disaster Response Plan - NIDRP).

Sebagai sebuah landasan latihan berskala makro, siri latihan tahun ini berjaya menguji kecekapan koordinasi pelbagai agensi dalam menghadapi unjuran senario ancaman pelbagai bahaya (*multi-hazard scenario*).

Simulasi yang diuji merangkumi impak bencana secara mengejut seperti gegaran seismik, banjir berskala besar, katastrofi kegagalan infrastruktur kritikal, serta kesan rantaian (*cascading effects*) yang melibatkan gangguan bekalan air, pelumpuhan rangkaian telekomunikasi (*data congestion*) dan gangguan rantaian bekalan tenaga negara.

Di samping itu, pengisian LBK 02/2026 turut diperlukan bagi menguji keupayaan negara dalam mengendalikan mekanisme fasilitasi dan koordinasi bantuan

SETIAUSAHA Tetap (Pengurusan Strategik, Dasar dan Korporat), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan hadir selaku tetamu kehormat serta merasmikan majlis penutup berkenaan.

antarabangsa.

Ini merangkumi pengaktifan protokol penerimaan serta pengurusan Pasukan Bantuan Bencana Asing, yang diselaraskan secara strategik mengikut standard kerangka serantau ASEAN bagi tindak balas bencana berskala makro.

Selain daripada itu, latihan simulasi ini turut bertindak sebagai platform penilaian telus terhadap pengoperasian taktikal Pusat Kawalan Operasi (Emergency Operations Centre - EOC) dan Pusat Pemindahan Sementara Evakuasi (PPSe) di lapangan.

Bagi menghadapi unjuran senario ekstrem, kecekapan agensi diuji secara menyeluruh melalui komponen Pengurusan Insiden Mangsa yang Ramai (Mass Casualty Management) serta pengaktifan Prosedur Tetap Operasi Pengecaman Identiti Mangsa Bencana (Disaster Victim Identification - DVI).

Keseluruhan rantaian latihan ini didasarkan untuk memperkukuh keteguhan pengurusan logistik dan agihan sumber, bagi menjamin kelangsungan operasi tindak balas bencana yang lancar, bersepadu, dan berdaya tahan di semua peringkat rantaian kawalan negara.

Menerusi penilaian terperinci terhadap elemen-elemen kritikal ini, LBK 02/2026 ini telah berjaya membuktikan keutuhan rantaian perintah dan kawalan di peringkat operasional dan taktikal.



Inisiatif ini secara langsung memperkemas mekanisme komunikasi serta koordinasi inter-agensi, seterusnya meletakkan keupayaan tindak balas nasional pada tahap optimum dalam menghadapi risiko bencana kompleks berskala besar.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan LBK 2026 telah menzahirkan hasrat dan komitmen yang berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam merangka dan memperkasakan ekosistem pengurusan bencana yang selamat, berdaya tahan, serta berasaskan data secara berperingkat (*phased and sustainable approach*).

Berteraskan pendekatan Whole-of-Nation, pemantapan sinergi strategik antara sektor awam, swasta, dan rakan strategik serantau berupaya memaksimumkan kesiapsiagaan nasional, seterusnya menjamin keselamatan, kesejahteraan rakyat, serta keutuhan daya tahan negara dalam menghadapi risiko ancaman bencana yang semakin kompleks.

SEKOLAH AL-FALAAH ADAKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan



Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar atas kiri, dan bawah kiri, sebahagian yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di dewan Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 September. - Seramai 76 murid Sekolah Al-Falaah yang terdiri daripada 35 murid lelaki dan 41 murid perempuan pada pagi tadi menyertai Majlis Khatam Al-Quran yang mengambil tempat di dewan Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diselenggarakan dengan haul mantan Penasihat Sekolah Al-Falaah, Allahyarham Saiyed Ibrahim Aal-Taaher Al-Husainiy berkenaan ialah, Pemangku Setiausaha Majlis

Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Majlis berkenaan turut diisikan dengan Sembahyang Hajat Berjemaah yang bertujuan untuk mendoakan kejayaan murid-murid Tahun 6 dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2026, di samping memohon kesembuhan bagi mereka yang sedang sakit, keselamatan dan kesejahteraan negara, serta penyatuan umat

Islam.

Sembahyang Hajat dan doa dipimpin oleh Tamam Hasan Agha, sementara bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad dibawakan oleh murid-murid peserta khatam disusuli dengan bacaan Surah Al-Ikhlas hingga Surah An-Naas serta tahlil ringkas oleh Anas.

Juga hadir sama pada majlis berkenaan, kakitangan Sekolah Al-Falaah, murid-murid Tahun 6, murid-murid Kelas Hujung Minggu serta para ibu bapa murid.

BURATAK NASI JUARA PERTANDINGAN CERITA BERKUMPULAN 2026



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, 17 September, Khamis. - Kumpulan Buratak Nasi dari Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha muncul juara Pertandingan Cerita Berkumpulan 2026 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan.

Kumpulan berkenaan memenangi pertandingan menerusi persembahan bertajuk 'Buku oh Buku' yang berlangsung di Balai Sarmayuda, DBP, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



(KKBS).

Tempat kedua diraih Kumpulan Safezone Bn dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah menerusi persembahan 'Generasi Tanpa Buli', manakala Kumpulan Kulimpapat dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam menduduki tempat ketiga dengan persembahan 'Gerbang Masa Depan'.

Johan menerima hadiah wang tunai BND600, diikuti naib johan sebanyak BND500 dan tempat ketiga

BND400.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid selalu tetamu kehormat.

Pertandingan pada tahun ini mengetengahkan tema 'Baca Hari Ini, Cipta Dunia Esok' dan disertai lima kumpulan terdiri daripada sekolah menengah, sekolah Arab serta institusi kerajaan.

Pertandingan yang diadakan setiap dua tahun berkenaan

bertujuan meningkatkan tahap kebijaksanaan, mengembangkan minda dan memperluas pengetahuan peserta melalui bahan bacaan, pendengaran dan penglihatan yang seterusnya diterjemahkan menerusi persembahan serta lakonan mengikut kreativiti masing-masing.

Di samping itu, pertandingan tersebut menyediakan arena latihan serta memupuk semangat kerja berpasukan dalam kalangan belia dan remaja agar mereka dapat

TEMPAT pertama Pertandingan Cerita Berkumpulan 2026 diraih oleh Kumpulan Buratak Nasi dari Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan RIPAS. Penyampaian hadiah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid (kiri). Sementara gambar kiri sekali, ucapan alu-aluan oleh Ketua Bahagian Perpustakaan DBP, Dayang Emi Suryaney binti Haji Hipny, selaku pengerusi majlis.

membentuk diri sebagai warga Brunei yang berwibawa, kreatif dan inovatif.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Bahagian Perpustakaan DBP, Dayang Emi Suryaney binti Haji Hipny, selaku pengerusi majlis.

Majlis juga diserikan dengan tayangan video 'Deklamasi Cerita Bayangan' oleh Zahra Saleha, Sadiyah, Dutabahaya dan Syed Harith bin Syed Rozman.

Majlis diteruskan dengan ulasan daripada ketua panel hakim, Awangku Mohd. Noor Sham @ Awangku Hidir bin Pengiran Hidup, ahli Kumpulan PUTRA Seni.

Turut hadir, Pemangku Pengarah DBP serta ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan KKBS.

Pertukaran ilmu, amalan terbaik perkukuh hubungan belia China-ASEAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BERAKAS, Khamis, 17 September. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah menghantar empat orang delegasi yang terdiri daripada seorang pegawai dan tiga orang belia bagi menyertai 2026 China-ASEAN Youth Campus dan 'Bridge of the Future' China-ASEAN Young Leaders Capacity Building Program yang akan berlangsung selama lapan hari bermula 17 hingga 24 September 2026 bertempat di Nanning, Guangxi dan Haikou, Hainan, Republik Rakyat China.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan berkenaan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Rombongan tersebut diketuai oleh Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Dayang Shahrinah binti Haji Abdul Rahman.

Program tersebut dianjurkan oleh All-China Youth Federation (ACYF) dengan kerjasama China Youth Daily, Guangxi Youth Federation, Hainan Youth Federation serta China (Guangxi) International Youth Exchange Institute, dan disokong oleh China Young Entrepreneurs Association.

Ia merupakan salah satu program utama pertukaran belia di bawah kerjasama China-ASEAN yang bertujuan memperkukuhkan kerjasama pembangunan belia antara Republik Rakyat China dan negara-negara ASEAN menerusi platform pertukaran ilmu, perkongsian amalan terbaik serta pembangunan kapasiti belia.

Sepanjang program tersebut, para delegasi akan menghadiri Acceleration Week for China-ASEAN Youth Development Programs Partnership Meeting dan China-ASEAN Youth Work Seminar, di samping menyertai sesi perbincangan tematik, *matchmaking and cooperation*, serta lawatan lapangan yang memberi tumpuan kepada empat bidang utama iaitu Pengeluaran Hijau dan Teknologi Karbon Rendah, Kecerdasan Buatan,

Integrasi Budaya dan Pelancongan, serta Inovasi Media.

Program kali ini turut menandakan salah satu aktiviti sempena Tahun Tema 2026 bersempena ulang tahun ke-5 penubuhan Perkongsian Strategik Menyeluruh China-ASEAN, dengan membawa tema 'Together for Youth Development and Shared Opportunities'.

Menerusi penyertaan dalam program ini, para delegasi diharap

akan dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kefahaman mengenai pembangunan belia serantau, di samping memperluaskan rangkaian kerjasama antarabangsa serta membawa pulang idea, pengalaman dan amalan terbaik yang dapat dimanfaatkan dalam usaha memperkasakan pembangunan belia di Negara Brunei Darussalam selaras dengan aspirasi Komuniti ASEAN.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haswandi bin Haji Osman hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan yang diketuai oleh Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Dayang Shahrinah binti Haji Abdul Rahman.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Amalan Gaya Hidup Lestari dalam Menghadapi Perubahan Iklim'. Tarikh Tutup : 23 September 2026
2. 'Strategi Memperkukuh Pengeluaran Makanan Tempatan'. Tarikh Tutup : 30 September 2026
3. 'Peranan Komuniti dalam Memajukan Pembangunan Sukan'. Tarikh Tutup : 7 Oktober 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

TINGKATKAN KESEDARAN, TINDAKAN BERKAITAN KESELAMATAN PESAKIT

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

GADONG, Rabu, 16 September. - Keselamatan pesakit perlu sentiasa diberikan keutamaan dalam pengurusan penyakit-penyakit tidak berjangkit, termasuk penyakit jantung, strok, diabetes dan kanser, yang memerlukan penjagaan berterusan serta kerjasama antara pesakit, keluarga dan penyedia perkhidmatan kesihatan.

Perkara tersebut ditekankan oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Hajah Siti Nasibah binti Pengiran Haji Ismail, selaku Pengerusi Majlis semasa menyampaikan ucapan pada Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2026 yang berlangsung di Atrium, The Mall, Gadong, pagi tadi.

Dalam ucapannya, beliau menjelaskan bahawa keselamatan pesakit perlu diberikan perhatian pada setiap peringkat penjagaan, bermula daripada diagnosis, rawatan dan penggunaan ubat-ubatan, sehinggalah kepada pengurusan gaya hidup serta pencegahan komplikasi.

Menurut beliau lagi, keselamatan pesakit merupakan tanggungjawab bersama semua pihak yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan. Jelasnya, kita perlu terus membudayakan persekitaran kerja yang terbuka dan selamat dalam melaporkan insiden keselamatan serta kejadian nyaris berlaku.

Beliau turut menekankan bahawa setiap insiden yang berlaku tidak seharusnya hanya

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut serta merasmikan Pameran Keselamatan Pesakit bagi Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit.

dilihat sebagai kesilapan, sebaliknya dijadikan peluang untuk mempelajari sesuatu, memperbaiki proses kerja dan seterusnya memperkukuh sistem penjagaan kesihatan.

Melalui budaya pembelajaran dan penambahbaikan yang berterusan, perkhidmatan kesihatan yang diberikan dapat dipastikan lebih berkualiti, selamat dan berpusatkan pesakit, terangnya.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud, yang seterusnya merasmikan Pameran Keselamatan Pesakit bagi Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit dan melawat pameran-pameran yang diadakan.

Sambutan pada tahun ini mengetengahkan tema 'Penjagaan Selamat bagi Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit' (Safe Care for Noncommunicable Diseases), yang memberikan tumpuan kepada aspek keselamatan pesakit dalam pencegahan, pengesanan, diagnosis, rawatan dan



pengurusan penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Pameran interaktif bertemakan perjalanan pesakit menjadi antara pengisian utama sambutan, dengan membawa para pengunjung melalui enam peringkat penjagaan yang merangkumi hubungan pertama dan saringan; diagnosis dan pengurusan; pengurusan ubat-ubatan; penjagaan sendiri; kehidupan sihat bersama penyakit tidak berjangkit; serta kecemasan dan kejadian akut.

Melalui aktiviti interaktif, demonstrasi dan permainan pendidikan, para pengunjung diperkenalkan kepada langkah-langkah keselamatan penting pada setiap peringkat penjagaan.

Antara perkara yang diketengahkan termasuk kepentingan pengesanan awal, komunikasi yang jelas antara pesakit dan petugas kesihatan,

penggunaan ubat-ubatan secara selamat, pemantauan kesihatan, penjagaan diri, kesinambungan penjagaan di rumah serta pengenalanpastian awal tanda-tanda bahaya yang memerlukan rawatan segera.

Sambutan tersebut bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai risiko keselamatan dalam penjagaan penyakit-penyakit tidak berjangkit, di samping memperkenalkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi mencegah kemudaratan yang boleh dielakkan.

Selain itu, sambutan berkenaan turut menekankan peranan pesakit, keluarga dan masyarakat sebagai rakan kongsi aktif dalam memastikan penjagaan kesihatan yang selamat dan berkualiti.

Hari Keselamatan Pesakit Sedunia disambut pada 17 September setiap tahun sebagai salah satu inisiatif global

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam meningkatkan kesedaran dan tindakan berkaitan keselamatan pesakit.

Kementerian Kesihatan kekal komited untuk memperkukuh keselamatan pesakit pada setiap peringkat penjagaan penyakit-penyakit tidak berjangkit, selaras dengan Pelan Tindakan Keselamatan Pesakit Global 2021-2030.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohd. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Usaha memperkukuh tadbir urus syariah dalam kewangan Islam

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



TIMBALAN Mufti Kerajaan dan Timbalan Pengerusi Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin hadir selaku tetamu kehormat di forum berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 September. - Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF) pagi ini menganjurkan Syariah Advisory Forum (SAF) 2026 bertempat di Radisson Hotel, di sini. Forum tersebut telah dihadiri oleh peserta tempatan dan serantau yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Forum yang bertema 'Syariah Governance : Embracing Digital Financial Solutions and Financial Innovation' ini menghimpunkan pakar-pakar syariah, pengamal industri serta pakar dalam bidang berkaitan untuk berkongsi pandangan dan bertukar-tukar idea mengenai usaha memperkukuh

tadbir urus syariah dalam kewangan Islam khususnya dalam aspek kewangan digital dan inovasi kewangan.

Forum ini turut membincangkan cabaran baharu dalam pematuhan amalan kewangan selaras dengan Maqasid Al-Syariah.

Dalam ucapan alu-aluan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BILIF, Afero Eswandy Mohamad antara lain menekankan kepentingan tadbir urus Syariah yang kukuh dan responsif dalam memastikan industri kewangan Islam terus berkembang seiring dengan perubahan teknologi dan inovasi kewangan.

Acara diteruskan dengan pembentangan khas bertajuk

'Ta'widh & Gharamah in Islamic Finance : Revisiting the Foundations and Contemporary Industry Expectations' yang disampaikan oleh Associate Dean for Students and Internationalization, INCEIF University, Malaysia, Profesor Dr. Aishath Muneeza.

Pembentangan tersebut diikuti dengan sesi perbincangan panel bertajuk 'Ta'widh & Gharamah : Contemporary Challenges in Syariah Advisory and Industry Practice', yang menampilkan Timbalan Pengerusi, Badan Penasihat Syariah Kumpulan BIBD, Dr. Awang Haji Mohd. Aidil Yusrie bin Haji Shari; Profesor Dr. Aishath Muneeza; Profesor Dr. Sharifah Faighah binti Syed Alwi, Professor Arshad Ayub, Graduate Business School, Universiti Teknologi MARA, Malaysia serta Shakir Jakhura, Syariah Department, Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), Bahrain.

Sesi tersebut dikendalikan oleh Executive Officer, Syariah Department I Secretariat & Governance, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Dayang Muniirah binti Awang Mahali. Forum tersebut turut mengadakan sesi dialog bertajuk 'Building Future Syariah Talent : From Learning and Mentoring to Future Readiness'.

Sesi ini menghimpunkan para alumni Fiqh Mu'amalat Professional Programme (FMPP) sebagai ahli panel, iaitu Senior Manager, Syariah Finance, Brunei Darussalam Central Bank, Awang Muhammad Khairul Anuar bin Haji

Ahmad; Manager, Wealth Management, Retail Banking Division, Baiduri Bank, Dayang Siti Aminah binti Haji Abdul Rahman dan Head of Pre-Syariah Review, Syariah Division, BIBD, Dayangku Hajah Siti Khadijah binti Pengiran Haji Ahmad.

Sesi dialog tersebut mengetengahkan kepentingan pembelajaran berterusan, bimbingan dan pembangunan profesional dalam membentuk profesional Syariah yang berkemahiran serta bersedia menghadapi keperluan dan cabaran masa hadapan. Sesi dikendalikan oleh Pemangku Pengurus, BILIF, Awang Mohammad Ashri bin Sharbini.

Forum tersebut diakhiri dengan sesi perbincangan panel 'Evolving Financial Solutions : Syariah Perspectives and Industry', yang dikendalikan oleh Manager, Syariah Finance, BDCB, Dayang Bibi Amadah binti Awang Haji Rusli.

Sesi tersebut telah dibincangkan oleh Professor di Institute of Islamic Banking and Finance, International Islamic University Malaysia (IIUM), Profesor Datin Dr. Rusni Hassan; Head of Doctorate Degree in Islamic Economics, Universitas Airlangga, Republik Indonesia, Profesor Dr. Raditya Sukmana serta Dr. Ahmad Lutfi bin Haji Abdul Razak, Member of Syariah Advisory Body, Standard Chartered Securities (B) Sdn. Bhd. sebagai ahli panel.

Sebagai sebahagian daripada forum tersebut, BILIF turut meraihan majlis graduasi para peserta daripada dua program

pembelajaran profesionalnya iaitu Fiqh Mu'amalat Professional Programme (FMPP) dan Leadership in Islamic Finance and Economics (LIFE).

Pada majlis tersebut, juga menyaksikan seramai enam graduan daripada FMPP Kohort 4 dan seorang graduan daripada LIFE Common Core menerima sijil masing-masing yang disampaikan oleh tetamu kehormat, Timbalan Mufti Kerajaan dan Timbalan Pengerusi Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin.

FMPP merupakan program signature BILIF yang memberi tumpuan kepada pembangunan profesional Penasihat Syariah, di mana para peserta dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang utama perbankan dan kewangan Islam, termasuk nasihat Syariah, audit dan semakan Syariah.

Sementara itu, LIFE bertujuan untuk melahirkan pakar dalam bidang kewangan Islam dengan menyediakan laluan pembelajaran yang berstruktur dan komprehensif merangkumi sektor-sektor utama kewangan Islam seperti perbankan Islam, Takaful dan pasaran modal Islam.

BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar, dan pemacu inovasi masa depan terutamanya dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa.

14 peserta terima sijil Kursus Asas Pemandu Pelancong

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), Awang Haji Muhammad Safwan bin Abdullah Bibi hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil Kursus Asas Pemandu Pelancong di Dewan Setia Pahlawan, KEPI.

BERAKAS, Jumaat, 18 September. - Seramai 14 peserta yang berjaya menamatkan Kursus Asas Pemandu Pelancong diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI),

baru-baru ini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan), KEPI, Awang Haji Muhammad Safwan bin Abdullah Bibi.

Kursus Asas Pemandu Pelancong berkenaan telah dikendalikan selama 10 hari bermula pada 10 hingga 20 Ogos 2026 dan merupakan penganjuran kali ke-19 sejak kursus berkenaan diperkenalkan pada 2016.

Kursus berkenaan merupakan salah satu prasyarat yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) bagi mana-mana individu yang berkeinginan untuk menjadi pemandu pelancong yang berlesen di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Semenjak 2016, seramai 269 pemandu pelancong telah pun berdaftar di JKP dan telah berjaya menamatkan Kursus Asas Pemandu Pelancong melalui kerjasama di antara pihak JKP dan pihak Laksamana College of Business (LCB), iaitu sebuah institusi yang telah dilantik bagi mengendalikan kursus berkenaan.

Kursus Asas Pemandu Pelancong merupakan salah satu usaha strategik JKP dalam membuat persediaan rapi menjelang Tahun Melawat Brunei 2027 (VBY 2027).

Melalui pemilikan kemahiran teras, kompetensi tinggi, dan pengetahuan mendalam, para pemandu pelancong baharu berkenaan bakal bertindak sebagai

duta barisan hadapan (*frontline ambassadors*) yang memainkan peranan penting dalam menyambut kedatangan pelancong antarabangsa dan tempatan.

Melalui kursus berkenaan, para peserta akan memastikan maklumat mengenai sejarah, budaya, warisan dan destinasi pelancongan NBD disampaikan kepada para pelancong adalah tepat, selaras dan menarik, seterusnya memberikan pendedahan pengalaman mesra yang berimpak tinggi.

Di samping itu, inisiatif berkenaan turut membuka peluang pekerjaan profesional kepada penduduk tempatan, khususnya golongan belia, serta memperkukuh daya saing industri pelancongan negara.

Bagi pemandu pelancong yang telah lulus kursus asas berkenaan hendaklah mengemukakan permohonan kepada JKP, KEPI bagi mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong. Mana-mana individu yang menjalankan perkhidmatan sebagai pemandu pelancong tanpa lesen yang sah atau mengiklankan atau menawarkan perkhidmatan pelancongan persendirian tanpa kebenaran, boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 20(3), Akta Pelancongan, Penggal 239.

Bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi BND5,000, manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya, denda tidak melebihi BND10,000.

Diharapkan para peserta yang diraikan akan dapat mengaplikasikan pengetahuan, etika dan standard perkhidmatan profesional yang diperoleh untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

Kehadiran pemandu pelancong baharu yang bertaualiah berkenaan secara langsung akan memperkukuh kapasiti perkhidmatan negara dalam menampung keperluan pelancong, mewujudkan imej pelancongan yang positif, dan seterusnya menyokong kejayaan acara VBY 2027.

Memandangkan adanya keperluan dan permintaan tinggi bagi pemandu pelancong berlesen menjelang VBY 2027, JKP mempelawa para belia terutamanya yang sedang dan masih mencari pekerjaan untuk mengikuti kursus yang ditawarkan.

Pendaftaran bagi kursus seterusnya akan dibuka kepada orang ramai dan dijangka akan diadakan pada Oktober 2026. Sebarang pertanyaan dan pendaftaran bolehlah menghubungi LCB.

KECEMERLANGAN AKADEMIK, KEPIMPINAN BADRU DIRAIKAN



SERAMAI 31 pelajar Fakulti Usuluddin menerima Anugerah Dekan atas pencapaian akademik cemerlang bagi Semester 1 dan Semester 2, Sesi Akademik 2025/2026 di Majlis Penyampaian Anugerah Dekan, Pembubaran Ahli Jawatankuasa Badan Pelajar Usuluddin (BadrU) Sesi 2025/2026 serta Pelantikan Ahli Jawatankuasa BadrU Sesi 2026/2027 (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Usuluddin telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Dekan, Pembubaran Ahli Jawatankuasa Badan Pelajar Usuluddin (BadrU) Sesi 2025/2026 serta Pelantikan Ahli Jawatankuasa BadrU Sesi 2026/2027.

Majlis berkenaan diadakan sebagai penghargaan terhadap kecemerlangan akademik para pelajar serta sumbangan dan komitmen barisan kepimpinan pelajar sepanjang sesi 2025/2026, di samping merasmikan pelantikan kepimpinan baharu BadrU bagi sesi 2026/2027.

Seramai 31 pelajar Fakulti Usuluddin menerima Anugerah Dekan atas pencapaian akademik cemerlang bagi Semester 1 dan Semester 2, Sesi Akademik 2025/2026.

Pada majlis yang sama, seramai 20 Ahli Jawatankuasa (AJK) BadrU Sesi 2025/2026 diraikan atas khidmat dan komitmen mereka sepanjang menjalankan amanah, manakala 20 AJK baharu telah dilantik bagi meneruskan kepimpinan BadrU untuk sesi 2026/2027.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Dekan Fakulti Usuluddin, UNISSA, Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Unit Keagamaan dan Kerohanian, BadrU Sesi 2025/2026, Awang Muhammad Yusri bin Yusuf, sebelum diteruskan dengan ucapan tausiyah oleh tetamu kehormat majlis serta penyampaian Anugerah Dekan kepada para penerima.

Acara turut diserikan lagi dengan tayangan video imbasan aktiviti

BadrU Sesi 2025/2026 dan ucapan daripada Presiden BadrU Sesi 2025/2026, Awangku Muhammad Aqil Harraz bin Pengiran Haji Muhamad Japar.

Majlis kemudiannya menyaksikan pembubaran rasmi AJK BadrU Sesi 2025/2026 serta pengumuman pelantikan AJK BadrU Sesi 2026/2027.

Presiden BadrU yang baharu, Awang Mohammad Adib Hazim bin Mochsin, turut menyampaikan ucapan mewakili barisan kepimpinan baharu.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Unit Keagamaan dan Kerohanian, BadrU Sesi 2026/2027, Awang Mohd. Shahrul Nizam bin Haji Ismail, bagi memohon keberkatan serta kelancaran perjalanan kepimpinan baharu dan kejayaan berterusan para pelajar Fakulti Usuluddin.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.



Tutong Buzz kini kembali



ORANG ramai dialu-alukan datang ke Tutong Buzz yang diadakan bermula 16 hingga 20 September 2026 dari pukul 2.00 petang hingga 10.00 malam di kawasan letak kereta Tatangan, Persiaran Sungai Tutong, Daerah Tutong.

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Khamis, 17 September. - Tutong Buzz kini kembali lagi bagi memeriahkan suasana Daerah Tutong ke arah memberi sokongan kepada para pengusaha dan peniaga tempatan di negara ini.

Acara berkenaan berlangsung selama lima hari, bermula Rabu, 16 hingga 20 September 2026 dari pukul 2.00 petang hingga 10.00 malam. Tutong Buzz kali ini diadakan di kawasan letak kereta Tatangan, Persiaran Sungai Tutong, di sini.

Tutong Buzz menawarkan pelbagai tarikan dan jualan daripada pengusaha tempatan. Acara berkenaan disertai seramai 38 pengusaha, terdiri daripada 34 pengusaha di bawah SME dan empat pengusaha di bawah Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Orang ramai dialu-alukan datang ke Tutong Buzz untuk memeriahkan lagi acara berkenaan, di samping menyokong produk dan perniagaan tempatan.

Tutong Buzz dianjurkan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Bandaran Tutong, Majlis Perundingan Kampung Sengkarai dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong.

TINGKATKAN MOTIVASI PELAJAR MENJELANG PEPERIKSAAN



SALAH satu ucapan yang disampaikan di majlis berkenaan (atas).



Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

TUTONG, Khamis, 17 September. - Menjelang detik penting menghadapi peperiksaan, Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong mengadakan Majlis Izin dan Restu Ilmu Penuntut Tahun 11 sebagai wadah memohon restu, kemaafan dan doa daripada guru-guru serta ibu bapa atau penjaga.

Majlis yang berlangsung di Dewan Sekolah berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti

dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua Sekolah, Dayang Hajah Adimah binti Haji Mohd. Said.

Bagi menyuntik semangat dan mempersiapkan para penuntut dari segi mental dan motivasi, majlis diteruskan dengan ceramah motivasi yang disampaikan oleh Kaunselor Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Awang Diny bin Haji Karim.

Majlis kemudiannya diselajurkan dengan penyerahan 'Warkah Yang Tersayang', diikuti ucapan daripada wakil pelajar, Awang Ukail Uzma

bin Iskandar Zulkarnain dari Tahun 11SC1; wakil ibu bapa atau penjaga, Awang Muhammad Sofian bin Muhd. Jais, bapa kepada Muhammad Afif Syazani bin Muhammad Sofian dari Tahun 11SC2; serta wakil guru, Dayang Huzairini binti Haji Tengah.

Sebagai acara kemuncak, para penuntut, guru-guru serta ibu bapa atau penjaga mengambil kesempatan untuk bersalaman sebagai tanda memohon izin, restu, kemaafan dan doa, sebelum menghadapi peperiksaan.

Majlis tersebut bukan sahaja menjadi ruang untuk menyemai keyakinan dan motivasi dalam diri para penuntut, malah mencerminkan sokongan padu warga sekolah dan keluarga dalam mengiringi mereka menghadapi cabaran peperiksaan.

Semoga para penuntut Tahun 11 dipermudahkan dalam segala urusan, diberikan ketenangan dan kekuatan, serta dikurniakan kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan yang bakal ditempuhi.



CERAMAH motivasi telah disampaikan oleh Kaunselor Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Awang Diny bin Haji Karim (atas). Manakala gambar kiri, para penuntut, guru-guru serta ibu bapa atau penjaga bersalaman di kemuncak acara sebagai tanda memohon izin, restu, kemaafan dan doa, sebelum menghadapi peperiksaan.

BIBD perkasa generasi usahawan masa hadapan



Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 September. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) hari ini menganjurkan sesi libat urus Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) secara interaktif bersama para pelajar dari Sekolah Perniagaan, Politeknik Brunei, bertujuan melengkapkan generasi usahawan dan pemimpin perniagaan akan datang dengan pengetahuan industri yang praktikal, minda keusahawanan serta pandangan dunia sebenar yang diperlukan bagi menghadapi landskap perniagaan masa hadapan.

Sesi yang diadakan di Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) itu menghimpunkan seramai 50 pelajar tahun akhir Diploma in Entrepreneurship and Marketing Strategies, wakil dari Bahagian PMKS, BIBD, serta seorang pengamal industri bagi merapatkan jarak antara pembelajaran akademik dengan pengalaman perniagaan sebenar.

Program berkenaan memberikan para pelajar pendedahan mengenai peluang, cabaran dan proses membuat keputusan yang terlibat dalam membina serta mengembangkan

sesebuah perusahaan yang berjaya.

Menerusi sesi tersebut, para pelajar diperkenalkan kepada pelbagai inisiatif, penyelesaian dan peluang yang disediakan oleh BIBD bagi menyokong para usahawan di pelbagai peringkat perjalanan perniagaan, bermula daripada mengenal pasti peluang perniagaan yang berdaya maju dan memahami keperluan pelanggan, hinggalah kepada mendapatkan penyelesaian perbankan, perkhidmatan digital, peluang akses pasaran dan pembiayaan apabila perniagaan berkembang.

Sesi pertama disampaikan oleh Pegawai Perhubungan PMKS, Bahagian PMKS, BIBD, Awang Muhammad Syakir bin Haji Aidil Bahrin, yang memberikan gambaran keseluruhan mengenai sokongan BIBD kepada para usahawan dan PMKS.

Para pelajar diperkenalkan kepada penyelesaian perbankan perniagaan, termasuk Akaun PMKS serta perkhidmatan digital seperti BizNet dan QuickPay, di samping sokongan pembiayaan dan peluang bagi perniagaan mendapatkan pendedahan pasaran yang lebih luas menerusi inisiatif yang diterajui oleh BIBD.

Sesi tersebut turut mengetengahkan bagaimana keperluan para usahawan berubah seiring dengan perkembangan perniagaan serta bagaimana BIBD bekerjasama dengan PMKS pada pelbagai peringkat pembangunan, daripada menubuhkan operasi sehingga mengembangkan lagi perniagaan.

Dari perspektif seorang usahawan, General Manager Happy Tails Veterinary Clinic, Anderson Tan, berkongsi pengalaman peribadinya dalam menubuhkan dan mengembangkan perniagaan, termasuk cabaran yang dihadapi serta pengajaran yang diperoleh sepanjang menguruskan perusahaan yang sedang berkembang.

Beliau turut berkongsi pandangan praktikal mengenai pertumbuhan perniagaan, pembiayaan dan pengalamannya berurusan dengan BIBD, sekali gus memberikan para pelajar gambaran secara langsung mengenai bagaimana akses kepada sokongan kewangan, perancangan strategik dan ketekunan dapat membantu perniagaan merealisasikan hasrat pertumbuhan masing-masing.

Program tersebut diakhiri dengan sesi yang dikendalikan

SESI libat urus Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tersebut telah mengambil tempat di Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei, menghimpunkan seramai 50 pelajar, wakil dari Bahagian PMKS, BIBD, serta seorang pengamal industri.

oleh Ketua Bahagian PMKS, BIBD, Awang Muhammad Isa Liew bin Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew, yang memberi tumpuan kepada pemilihan pelanggan dan produk sebagai pertimbangan asas dalam mencapai kejayaan perniagaan.

Perbincangan tersebut memperkenalkan satu rangka kerja praktikal bagi menilai sama ada sesuatu produk atau perkhidmatan memenuhi keperluan sebenar pelanggan serta berpotensi untuk dibangunkan menjadi cadangan perniagaan yang mampan.

Para pelajar digalakkan untuk mempertimbangkan persoalan-persoalan utama seperti siapakah sasaran pelanggan mereka, apakah nilai yang ditawarkan oleh produk atau perkhidmatan serta apakah yang membezakan tawaran mereka dalam pasaran.

"Keusahawanan bukan sekadar mengenai memiliki sesuatu produk atau idea. Perniagaan yang kukuh bermula dengan memahami siapa yang ingin kita berikan perkhidmatan, apa yang benar-benar diperlukan oleh pelanggan dan sama ada produk atau perkhidmatan yang ditawarkan mampu memberikan nilai yang bermakna kepada mereka. Perniagaan yang paling berjaya ialah perniagaan yang menyelesaikan masalah sebenar, kekal mampu menyesuaikan diri dan terus berkembang seiring dengan keperluan pelanggan," jelas Awang Muhammad Isa Liew.

Program tersebut turut merangkumi sesi soal jawab secara interaktif dan jaringan, yang memberikan peluang kepada para pelajar untuk berinteraksi secara

langsung bersama para penceramah, mendapatkan nasihat serta mendalami realiti keusahawanan dan pemilihan perniagaan.

Melalui inisiatif seumpama ini, BIBD terus melabur dalam pembangunan generasi usahawan masa hadapan Negara Brunei Darussalam dengan membantu para pelajar memperoleh pengetahuan praktikal, pendedahan industri serta pemahaman yang lebih mendalam mengenai perjalanan keusahawanan.

Dengan menghubungkan pendidikan dan industri, BIBD berhasrat melengkapkan golongan belia Brunei dengan keyakinan, kemahiran dan perspektif yang diperlukan bagi mengubah idea-idea inovatif menjadi perniagaan mampan, menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi serta mewujudkan peluang masa hadapan untuk diri sendiri dan masyarakat.

Penglibatan tersebut mencerminkan komitmen BIBD yang lebih luas dalam memperkukuh ekosistem PMKS di Negara Brunei Darussalam melalui gabungan penyelesaian kewangan, pendigitalan, pembangunan keusahawanan dan peluang akses pasaran.

Dengan memupuk kesedaran yang lebih tinggi mengenai keusahawanan dalam kalangan para pelajar sebelum mereka memasuki alam pekerjaan, BIBD berusaha menggalakkan lebih ramai belia Brunei untuk menceburi bidang inovasi, perusahaan dan penciptaan nilai sebagai laluan kerjaya pada masa hadapan.

Penglibatan sedemikian turut menyumbang kepada aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam membangunkan penduduk yang berkemahiran tinggi, berpendidikan dan produktif, di samping menggalakkan keusahawanan, penyertaan ekonomi serta pertumbuhan berterusan ekonomi yang dinamik, berdaya tahan dan pelbagai.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa.

Mendidik dengan hikmah, membimbing generasi harmoni dan berinovatif

Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Hari ini kita menyaksikan dunia berkembang dengan begitu pantas. Perkembangan teknologi semakin maju, maklumat semakin mudah dicapai tanpa sempadan dan Kecerdasan Buatan (AI) semakin mempengaruhi pelbagai ruang kehidupan manusia. Namun, maklumat yang semakin banyak tidak semestinya menambahkan hikmah. Pengetahuan yang semakin luas tidak sentiasa diiringi kematangan adab. Maka dalam suasana inilah, masyarakat memerlukan guru yang bukan sekadar menyampaikan ilmu tetapi turut membimbing jiwa dan membentuk insan yang bertakwa.

Dalam Islam, kedudukan guru amatlah mulia. Kemuliaan tersebut bukan kerana jawatan atau pangkat yang disandang tetapi kerana mereka menyambung amanah penyampaian ilmu, bimbingan kepada kebenaran dan pembinaan akhlak mulia yang dibawa oleh para nabi dan rasul.

Melalui peranan besar ini, jelaslah bahawa guru bukan sekadar penyampai maklumat atau pengajar di dalam kelas. Guru ialah pembimbing generasi muda, pembentuk peribadi insan dan pencorak masa depan ummah.

Guru mempunyai dua peranan utama iaitu sebagai mualim dan murabbi. Mualim ialah orang yang mengajarkan ilmu, memberikan kefahaman dan membuka minda manusia kepada kebenaran. Maka sebagai mualim, guru bertanggungjawab memastikan ilmu yang disampaikan adalah benar, bermanfaat dan mampu membentuk generasi yang berilmu pengetahuan. Manakala sebagai murabbi, guru menjadi pendidik yang membina, memimpin, mendidik jiwa dan membentuk keperibadian pelajarnya. Murabbi bukan hanya mengajar dengan kata-kata tetapi mendidik melalui teladan dan akhlak yang mulia. Justeru, seorang murabbi sentiasa berusaha melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Sama-samalah kita berdoa semoga

Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kesihatan, ketabahan, kesabaran, kerahmatan dan keberkatan yang berpanjangan kepada seluruh warga pendidik dalam melaksanakan amanah yang mulia ini. Ya Allah, jadikanlah para guru dan pendidik kami dalam kalangan hamba-hamba-Mu yang ikhlas, yang mendapat taufik serta kejayaan. Berkatalah umur dan segala usaha mereka dan jadikanlah mereka, pembuka pintu-pintu kebaikan serta penutup pintu-pintu kejahatan, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu : "Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain)," maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : "Berdirilah," hendaklah kamu berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan". (Surah Al-Mujadilah, ayat 11)

Memperkenalkan seni muzik tradisional NBD ke peringkat antarabangsa

Siaran Akhbar dan Foto : Kulimpapa Orchestra



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 September. - Kulimpapa Orchestra, sebuah kumpulan muzik tradisional dan moden dari Negara Brunei Darussalam (NBD), berbesar hati untuk mewakili NBD dalam Next-Generation Asian Performing Artists Community Programme 2026 (NGAPAC 2026) yang akan berlangsung di Gwangju, Republik Korea, bermula 16 hingga 21 September 2026.

Penyertaan berkenaan merupakan satu lagi pencapaian penting bagi Kulimpapa Orchestra dalam memperkenalkan serta mengangkat seni muzik tradisional NBD ke peringkat antarabangsa. Melalui penyertaan dalam program berkenaan, Kulimpapa Orchestra berpeluang untuk

berkongsi keunikan muzik tradisional NBD yang digabungkan dengan elemen muzik moden dan kontemporari kepada para peserta serta penonton daripada pelbagai negara Asia.

Sepanjang program berkenaan, Kulimpapa Orchestra akan mengadakan persembahan yang mengetengahkan identiti muzik tradisional dan fusion NBD. Selain itu, program berkenaan turut menampilkan persembahan daripada wakil Kemboja, sekali gus menjadi platform pertukaran budaya dan kesenian antara negara-negara Asia.

Sebagai sebahagian daripada pengisian program, Bengkel Asas Tarian Aduk-Aduk juga akan diadakan oleh Kulimpapa Orchestra. Bengkel berkenaan

KULIMPAPA Orchestra mewakili Negara Brunei Darussalam pada Next-Generation Asian Performing Artists Community Programme 2026 (NGAPAC 2026) di Gwangju, Republik Korea, bermula 16 hingga 21 September 2026.

bertujuan untuk memperkenalkan asas tarian tradisional Aduk-Aduk kepada para peserta antarabangsa serta memberikan mereka peluang untuk mengenali, mempelajari dan mengalami sendiri salah satu bentuk warisan seni dan budaya NBD.

Penyertaan Kulimpapa Orchestra dalam NGAPAC 2026 bukan sahaja memberi ruang untuk mempersembahkan karya seni NBD di pentas antarabangsa, malah menjadi peluang untuk menjalin hubungan, bertukar pengalaman serta berkongsi pengetahuan bersama penggiat seni dari negara-negara Asia yang lain.

Kulimpapa Orchestra ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) atas sokongan, kepercayaan dan bantuan yang diberikan dalam merealisasikan penyertaan Kulimpapa Orchestra ke NGAPAC 2026 di Gwangju, Republik Korea.

Sokongan yang diberikan amat bermakna dalam usaha Kulimpapa Orchestra untuk membawa nama NBD, khususnya dalam bidang seni muzik dan persembahan tradisional ke pentas

Usaha BDCB memperkukuh perlindungan pengguna kewangan

Siaran Akhbar :
Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 September. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah mengeluarkan notis mengenai layanan adil terhadap Pengguna Kewangan (Notice No. CE/N-1/2026/1) pada 31 Ogos 2026. Notis ini akan berkuat kuasa pada 1 Mac 2027.

Notis ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan BDCB untuk memperkukuh perlindungan pengguna kewangan serta menggalakkan piawaian tingkah laku yang lebih tinggi dalam sektor kewangan.

Ia juga menetapkan keperluan bagi bank dan institusi kewangan untuk memberikan layanan yang adil, bertanggungjawab dan profesional kepada pengguna kewangan dalam setiap urusan mereka.

Antara lainnya, bank dan institusi kewangan diperlukan untuk mengambil kira sebarang risiko amalan pasaran dalam urus tadbir dan pengurusan risiko secara keseluruhan; memberikan maklumat yang jelas dan seimbang; memastikan sebarang nasihat dan cadangan yang diberikan bersesuaian dengan keperluan pengguna kewangan; dan mengekalkan terma dan syarat kontrak yang adil.

Notis tersebut juga memberi penekanan khusus terhadap layanan yang adil kepada pengguna kewangan yang terjejas (*vulnerable financial consumers*). Bank dan institusi kewangan dikehendaki untuk mengambil langkah-langkah bersesuaian untuk memahami dan menangani keperluan mereka, termasuk dalam penyediaan reka bentuk dan penawaran produk dan perkhidmatan kewangan.

Melalui keperluan-keperluan di dalam notis tersebut, BDCB berhasrat untuk menggalakkan hasil dan layanan yang lebih adil bagi pengguna kewangan, di samping memperkukuh kepercayaan dan keyakinan terhadap sistem kewangan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menyumbang kepada kestabilan kewangan domestik secara keseluruhan.

Notis tersebut boleh didapati melalui laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn. Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui talian +673 8318388 atau e-mel info@bdc.gov.bn.


antarabangsa.

Kulimpapa Orchestra berharap penyertaan berkenaan akan terus membuka ruang kepada kerjasama budaya antarabangsa pada masa akan

datang serta memperkukuh usaha dalam mempromosi muzik, seni persembahan dan warisan budaya NBD di peringkat serantau dan antarabangsa.

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 06 RABIULAKHIR 1448 / 18 SEPTEMBER 2026

SILA IMBAS UNTUK KHUTBAH LENGKAP



Perkembangan teknologi semakin pesat maklumat semakin mudah dicapai tanpa sempadan dan kecerdasan buatan (AI) semakin mempengaruhi ruang kehidupan manusia.



 **Tidak sentiasa diiringi kematangan adab**

Dalam suasana inilah, masyarakat memerlukan kehadiran guru bukan sekadar menyampaikan ilmu.

 **Membimbing jiwa**

 **Melahirkan insan yang bertakwa**

- Mengajarkan ilmu
- Memberikan kelaheaman
- Membuka minda manusia kepada kebenaran

- Membina
- Memimpin
- Mendidik jiwa
- Membentuk keperibadian pelajarannya

Bukan kerana jawatan atau pangkat, tetapi kerana mereka:

 Menyampaikan Ilmu

 **Membimbing manusia ke jalan kebenaran**

 **Membentuk
akhlak yang mulia**

Sama-samalah kita berdoa semoga Allah SWT mengurniakan kesehatan, ketabahan, kesabaran, kerahmatan dan keberkatan yang berpanjangan kepada seluruh warga pendidik dalam melaksanakan amanah yang mulia ini.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat,
Divisyen Pengurusan Korporat
Dan Sumber Manusia
Kementerian Pembangunan

Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk

Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q11
Invitation To Renew Krystal
Document Management System
License Technical Support For 1
Year, Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap
E-Dokumen Sebut Harga:**
BND9.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin,
14 September 2026

**Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:**
Khamis,
1 Oktober 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
5 Oktober 2026
Jam sebelum 9.00 Pagi

JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / BPP / 055 / 2026

Tajuk:
Replacement of SON/T Street
Lighting at Jalan Sungai Akar and
Lebuhraya Sultan Hassanah
Bolkiah (Sungai Akar Roundabout
to Jejambatan Hassanah Bolkiah)

Tarikh Tutup:
Selasa,
13 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

Tender Fee:
BN30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam



Ibu Pejabat Jabatan
Penerbangan Awam

Pada hari-hari bekerja berikut:
Isnin hingga Khamis:
8.30 Pagi – 11.00 Pagi
1.30 Petang – 2.30 Petang

Sabtu:
8.30 Pagi – 10.30 Pagi

Penerangan lanjut mengenai
sebut harga boleh diperolehi
dengan menghubungi Pejabat
Pengurusan Lapangan Terbang di
talian +6732330142 sambungan
1426 atau melalui e-mel
procurement.apm@dca.gov.bn

KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada
Pemborong - Pemborong
Yang Berdaftar Dalam

Kelas:
Terbuka

Kategori:
Terbuka

Tarikh Buka Tawaran:
Sabtu,
12 September 2026

Tarikh dan Jam Tutup Tawaran:
Selasa,
29 September 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KHEDN / LTK / 2026-10
Renovation Work For Pusat
Pekerjaan Brunei At Level 2 (Right
Wing), Ministry Of Home Affairs

Bilangan Projek:
KHEDN / UPE / SA28A-2106 / 18

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

INSTITUT PENDIDIKAN
TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bilangan Tawaran:
IBTE / RKN-12 / 1201-027 /
AIRCRAFT
VOTE NO: 1201-027

Keterangan:
IBTE / RKN-12 / 1201-027 /
AIRCRAFT

Gelaran Projek:
Menaiktaraf Peralatan Amali
Penyelenggaraan Pesawat –
School Of Aviation

**Supply, Delivery, Installation
And Commission Of Used And
Serviceable Turbofan Aircraft
For School Of Aviation, IBTE
Sultan Saiful Rijal Campus,
Institute Of Brunei Technical
Education,
Ministry Of Education,
Negara Brunei Darussalam**

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND500.00
(Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Dan Waktu:
27 Oktober 2026
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 14 / 2026
Term Contract For Grass Cutting
Along The Road Sides In Ulu
Belait Area Under Maintenance Of
Jabatan Daerah Belait For (01)
One Year

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 19 / 2026
Repainting Work At Perumahan
Kerajaan Flat Kelas F Block 606
Jalan Singa Menteri

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
22 September 2026

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 16 / 2026
Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang
Tamu (Utama) Kediaman Resmi
Pegawai Daerah Belait

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
29 September 2026

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
Leasing Of Portable Push To Talk
Device Bundle With LTE For
Aviation Security At Brunei
International Airport
ATELS / 2026 / SH-13

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Rabu,
16 September 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
29 September 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
30 September 2026
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASIBilangan dan Tajuk Sebut
Harga:

APM.2026-2027 / SH-01
To Supply And Install New PVC
Chair Covers At Brunei
International Airport

Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:

APM.2026-2027 / SH-02
Enhancement Of Fixtures And
Fittings For Infant Care Facilities
At Brunei International Airport

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
30 September 2026
jam 2.30 Petang

Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Dokumen sebut harga boleh
diperolehi dari:**
Seksyen Kewangan,
Aras Bawah,



Ibu Pejabat Jabatan
Penerbangan Awam

Pada hari-hari bekerja berikut:
Isnin hingga Khamis:
8.30 Pagi – 11.00 Pagi
1.30 Petang – 2.30 Petang

Sabtu:
8.30 Pagi – 10.30 Pagi

Penerangan lanjut mengenai
sebut harga boleh diperolehi
dengan menghubungi Pejabat
Pengurusan Lapangan Terbang di
talian +6732330142 sambungan
1426 atau melalui e-mel
procurement.apm@dca.gov.bn

INSTITUT PENDIDIKAN
TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bilangan Tawaran:
IBTE / RKN-12 / 1201-027 /
AIRCRAFT
VOTE NO: 1201-027

Keterangan:
IBTE / RKN-12 / 1201-027 /
AIRCRAFT

Gelaran Projek:
Menaiktaraf Peralatan Amali
Penyelenggaraan Pesawat –
School Of Aviation

**Supply, Delivery, Installation
And Commission Of Used And
Serviceable Turbofan Aircraft
For School Of Aviation, IBTE
Sultan Saiful Rijal Campus,
Institute Of Brunei Technical
Education,
Ministry Of Education,
Negara Brunei Darussalam**

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND500.00
(Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Dan Waktu:
27 Oktober 2026
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Kenyataan Tawaran
Jabatan Kerja Raya**

Bilangan Tawaran:

Tempat Mengambil Borang:
Unit Perolehan, Tawaran dan
Sebut Harga,
Aras Bawah,
Institut Pendidikan Teknikal Brunei
(Ibu Pejabat)
Simpang 347, Jalan Pasar
Gadong
Gadong BE1310

Tempat Pembayaran:
Kaunter Pembayaran:
Unit Hasil, Tingkat 2,
Bahagian Kewangan,
Institut Pendidikan Teknikal Brunei
(Ibu Pejabat)
Simpang 347,
Jalan Pasar Gadong
Gadong BE1310

**Waktu-Waktu Penerimaan Wang
Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran**

Isnin Hingga Khamis:

JKR / DME / BOP-EM / 27 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Peralatan Dobi Yang Rosak
Dengan Kerja-Kerja Berkaitan
Untuk
Kediaman VIP Assarra, Istana
Edinburgh, Istana Darut Taqwa
Dan Kawasan Berkaitan

**Tarikh Tutup Tawaran
Dilanjutkan Sehingga:**
Selasa,
29 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Sesi Pagi: 8.15 Pagi – 11.30 Pagi
Sesi Petang: 1.30 Petang – 3.00
Petang**

**Jumaat
Sesi Pagi: 8.15 Pagi –
10.30 Pagi
Sesi Petang: 2.15 Petang –
3.00 Petang**





**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 20 / 2026
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Bilik
Chiller Kepada Bilik Rehat
Kakitangan Jabatan Daerah Belait

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 18 / 2026
Upgrading Works To Existing
Toilet At 1st Floor At Pejabat
Daerah Belait

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 16 / 2026
Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang
Tamu (Utama) Kediaman Resmi
Pegawai Daerah Belait

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
30 September 2026



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

**Makluman
Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
09 / ASSET.MFA / 2026
Supply, Deliver And Installation Of
Loose Office Furniture For A
Period Of Two (2) Years - FSOR

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
10 / ASSET.MFA / 2026
Rental Of Color And Mono
Photocopier Machines For A
Period Of Thirty-Six (36) Months,
Ministry Of Foreign Affairs

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
30 September 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01, KPB04, E03 B01 & M03
Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
29 September 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 November 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 019 / 2026

Nama Projek:
Pemuliharaan Loji Rawatan Air Tasek
Serta Pelapisan Semula Dan
Pemasangan Paip

Yuran Tawaran:
BND2,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JPI / 03 / 2026
To Conduct Technical Services Of
Marine Resources Assessment Of
Brunei Darussalam Fisheries

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
T / 017-TL [JPPK / LTK / 29 /
2026]

Twelve (12) Months Corrective
Repair And Maintenance Of
Mechanical And Electrical Works
At Muara Naval Base

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
E01 dan E02

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran Dokumen
(MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan) :
BND500.00 satu set (dalam
bentuk CD)*

**Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada,**
12 Oktober 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
20 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPA / ATELS-MAINT / 1107-005
Term Maintenance For DVOR /
DME, ILS / DME, Flight
Calibration, Other Associated
Facilities And Utilities

**Tarikh iklan / mengambil
dokumen Tawaran:**
Isnin,
14 September 2026

**Tarikh terakhir mengambil
dokumen Tawaran:**
Isnin,
26 Oktober 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Oktober 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan
Dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
Q01 / KPN / DHM / 2026-2027
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan
Membekal Jamuan Di
Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam Bagi
Tempoh Dua (2) Tahun

**Bayaran Bagi Setiap
e-Dokumen Sebut Harga:**
BND9.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin,
14 September 2026

**Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:**
Khamis,
24 September 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
28 September 2026
sebelum jam 9.00 Pagi



**JABATAN BOMBA
DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

JBP / TSH / 14 / 2026-2027
Term Contract For Pest Control
Services At Fire And Rescue
Head Quarters, Multi-Purpose
Hall, Stor Am Building And MTO
Office Balai Bomba Beribi For The
Period Of 36 Months

JBP / TSH / 15 / 2026-2027
Membekal Dan Menghantar
Perabot Set Televisyen Serta
Peralatan Aksesori Dan
Memasang Sistem Visual

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
1 Oktober 2026
1.50 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**MOE / LTK / 43 / 2026 / 2027
(JPPE-SEPT-2026)**
Supply, Deliver And Fix Into Place
New Stainless Steel Counter Top,
Fixed And Loose Furniture
Including Upgrading Works To
Food And Nutrition Cookery Room
At Sekolah Menengah Sayyidina
Abu Bakar, Lambak,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas:
II & III sahaja

Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam

Kategori:



B01, KA01

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Membeli
Dokumen Tawaran:**
Sabtu,
26 September 2026

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
29 September 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang





**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Tawaran Tapak Bagi
Menjalankan Perusahaan
Pertanian (Pelbagai Tanaman)
Seluas 2.5 Hektar Di Kawasan
Kemajuan Pertanian
(KKP) Junjongan,
Daerah Brunei Dan Muara**

Bilangan:
09 / 2026

Keterangan Tapak:
Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) Junjongan
Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot 20

Keluasan:
2.5 hektar

Syarat:
Perusahaan Pelbagai Tanaman
Pengeluaran Jagung Manis
menggunakan teknologi tinggi /
moden (Greenhouse, Fertigasi,
Pengairan Titis dan lain-lain)

Tempoh Iklan:
4 minggu

Tarikh Berakhir Iklan:
Isnin,
21 September 2026

Tarikh Akhir Menghantar:
Sabtu,
17 Oktober 2026
sebelum jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / borang



**Tawaran Tapak Bagi
Menjalankan Perusahaan
Pertanian (Pelbagai Tanaman)
Seluas 3 Hektar Di Kawasan
Kemajuan Pertanian
(KKP) Junjongan,
Daerah Brunei Dan Muara**

Bilangan:
08 / 2026

Keterangan Tapak:
Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) Junjongan
Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot 19

Keluasan:
3 hektar

Syarat:
Perusahaan Pelbagai Tanaman
Pengeluaran Jagung Manis
menggunakan teknologi tinggi /
moden (Greenhouse, Fertigasi,
Pengairan Titis dan lain-lain)

Tempoh Iklan:
4 minggu

Tarikh Berakhir Iklan:
Isnin,
21 September 2026

Tarikh Akhir Menghantar:
Sabtu,
17 Oktober 2026
sebelum jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / borang



**Tawaran Tapak Bagi
Menjalankan Perusahaan
Pertanian (Pelbagai Tanaman)
Seluas 2.8 Hektar Di Kawasan
Kemajuan Pertanian
(KKP) Junjongan,
Daerah Brunei Dan Muara**

Bilangan:
07 / 2026

Keterangan Tapak:
Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) Junjongan
Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot 18

Keluasan:
3 hektar

Syarat:
Perusahaan Pelbagai Tanaman
Pengeluaran Jagung Manis
menggunakan teknologi tinggi /
moden (Greenhouse, Fertigasi,
Pengairan Titis dan lain-lain)

Tempoh Iklan:
4 minggu

Tarikh Berakhir Iklan:
Isnin,
21 September 2026

Tarikh Akhir Menghantar:
Sabtu,
17 Oktober 2026
sebelum jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / borang



**Tawaran Tapak Bagi
Menjalankan Perusahaan
Pertanian (Pelbagai Tanaman)
Seluas 3 Hektar Di Kawasan
Kemajuan Pertanian
(KKP) Junjongan,
Daerah Brunei Dan Muara**

Bilangan:
06 / 2026

Keterangan Tapak:
Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) Junjongan
Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot 17

Keluasan:
3 hektar

Syarat:
Perusahaan Pelbagai Tanaman
Pengeluaran Jagung Manis
menggunakan teknologi tinggi /
moden (Greenhouse, Fertigasi,
Pengairan Titis dan lain-lain)

Tempoh Iklan:
4 minggu

Tarikh Berakhir Iklan:
Isnin,
21 September 2026

Tarikh Akhir Menghantar:
Sabtu,
17 Oktober 2026
sebelum jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / borang



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN**

**Joint Publishing Project For
Brunei Darussalam**

**MOE / LTK / 40 / 2026 / 2027
(JPK-SEPT-2026)**
Joint-Publishing Project For
Brunei Darussalam Primary
English Textbook, English
Workbook And English Teacher's
Resource Package For Year 3

**MOE / LTK / 41 / 2026 / 2027
(JPK-SEPT-2026)**
Joint-Publishing Project For
Brunei Darussalam Primary
Mathematics Textbook,
Mathematics Workbook And
Mathematics Teacher's Resource
Package For Year 3

**MOE / LTK / 42 / 2026 / 2027
(JPK-SEPT-2026)**
Joint-Publishing Project For
Brunei Darussalam Primary
Science Textbook, Science
Workbook And Science Teacher's
Resource Package For Year 3

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND35.00

[Bayaran Yuran Tawaran
Sebanyak BND30.00 Dan
E-Dokumen Sebanyak BND5.00
Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Penerimaan
Wang Bayaran Yuran Tawaran
Dan Mengambil Dokumen
Tawaran Pada:**
Sabtu,
26 September 2026
Jam 9.45 Pagi

**Tarikh Terakhir Menerima E-Mel
Enquiries And Clarification
Notice Daripada Penender:**
Sabtu,
26 September 2026
Jam 3.00 Petang

**E-Mel Dihadapkan Ke Jabatan
Perkembangan Kurikulum,
Kementerian Pendidikan Melalui
Alamat E-Mel Berikut:**
tendercdd@moe.gov.bn

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
10 November 2026
Tidak Lewat Jam
2.00 Petang



**JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

PJB / 3003 / SH / 01-2026
Kontrak Kawalan Serangga
Perosak (Kawalan Tikus) Bagi
Tempoh Selama Satu (1) Tahun
Di Bangunan Ibu Pejabat,
Jabatan Tenaga Manusia Dan
Pekerjaan (Sebelum Ini Dikenali
Sebagai Jabatan Buruh)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
23 September 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN,
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN
DAN INDUSTRI**

JPt / TAW / 12 / 2026-2027:
Pemeliharaan Saliran Ladang
Bagi Kawasan
Kemajuan Pertanian Di Daerah
Brunei Muara Zon 'D' Bagi
Tempoh Dua (2) Tahun.

**(Yuran Tawaran BND50.00 |
Borang Tawaran BND15.00)**

Tarikh Tutup:
Selasa, 13 Oktober 2026
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang



**Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan**

Sebut Harga hendaklah
dimasukkan ke dalam Peti Sebut
Harga dan dialamatkan kepada
Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian
dan Agrimakanan, Jalan
Muhibbah, Lapangan Terbang
Lama, Berakas BB3510
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang
pada Khamis, 15 Oktober 2026.**

Borang Sebut Harga:
BND7.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPt / SH / 71 / 2026-2027
To Supply And Deliver PPE And
Disinfectants For Veterinary
Laboratory Section

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPt / SH / 72 / 2026-2027

Repair Work And Maintenance Of
Existing Biosafety Laminar Flow,
Fumehood And Balance
Enclosure Cabinets At Veterinary
Laboratory Services

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPt / SH / 73 / 2026-2027
Kerja-Kerja Pembaikan Berek
Lampaki Unit A5, A7, Dan B7 Di
Bawah Kawalan Jabatan
Pertanian Dan Agrimakanan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPt / SH / 74 / 2026-2027
Kerja-Kerja Penambahan Dan
Pembaikan Am, Kerja-Kerja
Elektrik Serta Pembekalan Dan
Pemasangan Perabot Bagi Unit
Kemajuan Pertanian, Kuala Belait

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPt / SH / 75 / 2026-2027
Supply, Delivery And Installation
Of An Integrated Workstation
Equipment And Specialized
Information Systems In Support Of
ISO/IEC 17025:2017
Implementation

2 WANITA TEMPATAN DITAHAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 September. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) telah menjalankan beberapa operasi pemeriksaan dan penguatkuasaan di pos-pos kawalan yang mana hasil telah mendapati beberapa barangan yang disyaki melanggar peruntukan undang-undang kastam.

Pegawai JKED telah menahan dua wanita warga tempatan masing-masing berusia 27 dan 22 tahun, semasa menjalankan pemeriksaan rutin di Pos Kawalan Sungai Tujoh.

Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan yang digunakan oleh kedua-dua wanita tersebut mendapati beberapa bungkusan yang diikrarkan sebagai alat ganti kereta dan cenderung yang turut mengandungi tumbuhan kering

yang disyaki merupakan barangan terkawal.

Barang-barang tersebut telah dirampas untuk diserahkan kepada Biro Kawalan Narkotik (BKN) bagi tujuan pemeriksaan dan tindakan selanjutnya. Hasil pemeriksaan lanjut mengesahkan ia adalah dadah terkawal dengan berat keseluruhan 4,254.32 gram.

Dalam kejadian berasingan di Pos Kawalan Kuala Lurah, pemeriksaan rapi ke atas sebuah kenderaan dengan nombor pendaftaran Brunei Darussalam telah menemukan beberapa bungkusan plastik hitam yang tidak diikrarkan.

Pemeriksaan lanjut mendapati bungkusan tersebut mengandungi 360 tin bir, 12 botol *whisky*, lapan botol *vodka* serta 200 paket rokok pelbagai jenama. Seorang lelaki berusia 37 tahun dan seorang wanita berusia 26 tahun, kedua-duanya warga Brunei Darussalam dan beragama Islam telah ditahan bersama kenderaan berkenaan.

Kes tersebut telah diserahkan kepada Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang JKED untuk siasatan dan tindakan lanjut.

JKED, melalui Bahagian Cawangan dan Pos Kawalan, komited dalam melaksanakan pemeriksaan di semua pos kawalan bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang kastam, di samping mencegah pemasukan barang larangan atau terkawal.

JKED menegaskan bahawa sebarang cubaan untuk



BEBERAPA barangan terlarang telah didapati semasa pemeriksaan di Pos Kawalan Sungai Tujoh dan Pos Kawalan Kuala Lurah. Barang-barang tersebut telah dirampas untuk diserahkan kepada BKN bagi tujuan pemeriksaan dan tindakan selanjutnya (atas dan bawah kiri).

menyeludup atau membawa masuk dan keluar barang larangan dan tegahan merupakan kesalahan serius dan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Orang awam dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa serta memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa dalam usaha membanteras aktiviti penyeludupan.

Seterusnya, JKED merakamkan penghargaan kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat berkaitan kegiatan yang melanggar undang-undang.

Sebarang maklumat mengenai aktiviti penyeludupan atau pelanggaran undang-undang Kastam boleh disalurkan melalui Talian Hotline JKED, +673 8714422 atau +673 8721422 atau dengan menghubungi pejabat kastam yang berhampiran.

Operasi Kakas kesan pelbagai kesalahan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



DUA operasi penguatkuasaan undang-undang di bawah Operasi Kakas 2026 dan satu operasi penguatkuasaan undang-undang bersama Jabatan Tenaga Manusia Dan Pekerjaan, Kuala Belait di bawah Operasi Bersepadu Kakas telah mendapati beberapa kesalahan di bawah Akta dan Peraturan Imigresen.

BELAIT, Khamis, 17 September. - Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan dua operasi penguatkuasaan undang-undang di bawah Operasi Kakas 2026 dan satu operasi penguatkuasaan undang-undang bersama Jabatan Tenaga Manusia Dan Pekerjaan, Kuala Belait di bawah Operasi Bersepadu Kakas.

Operasi Kakas 99 / 2026 menyasarkan ke tiga lokasi berasingan di Mukim Liang dan hasil daripada operasi yang dijalankan, 23 warga asing telah diperiksa dan seorang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait kerana gagal untuk mengemukakan dokumen yang sah sepertimana yang diperuntukkan di bawah Bab 55(4)(a)(b)(c), Akta Imigresen, Penggal 17.

Sementara, Operasi Kakas 101 / 2026 menyasarkan ke Kawasan sekitar di Mukim Belait dan Pemeriksaan ke atas seorang warga asing yang diperiksa telah membawa kepada penahanan individu tersebut ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Bagi Operasi Kakas 102 JIPK dan Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan menyasarkan ke Kawasan sekitar di Mukim Belait dan hasil daripada operasi pemeriksaan sepadu yang dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait, JIPK telah melaksanakan pemeriksaan terhadap 12 warga asing dan tiga daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait bagi siasatan lanjut.

Manakala tiga warga asing yang ditahan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Burung Pekaka Api

Nama Binatang :
Burung Pekaka Api

Nama Saintifik :
Ceyx Rufidorsa

Keluarga : Alcedinidae

IUCN : Least Concern

CITES : Tidak tersenarai

Maklumat disediakan oleh :
Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

KENALI Hidupan Liar Kitani bulan ini, kita akan meneroka kepelbagaian biodiversiti Negara Brunei Darussalam dengan mengenali salah satu spesies burung yang cukup unik dan memikat iaitu Burung Pekaka Api, atau dikenali sebagai Rufous-backed Dwarf-Kingfisher. Spesies kecil ini bukan sahaja cantik, malah memainkan peranan penting dalam ekosistem kita.

Burung Pekaka Api, yang mempunyai nama saintifik *Ceyx rufidorsa* daripada keluarga Alcedinidae, merupakan spesies

Nama Tempatan :
Burung Pekaka Api

Nama Inggeris :
Rufous-backed Dwarf-Kingfisher

Saiz : 13cm - 14cm

Order : Coraciiformes

Kelas Spesies : Aves

yang bersaiz kerdil sekitar 13 sentimeter hingga 14 sentimeter sahaja. Namun, warnanya sangat menarik! Ia berbulu merah-coklat terang di bahagian belakang dan ekor, berwarna kuning-jingga di dada dengan leher putih yang bersih. Burung jantan mudah dikenali dengan paruh merah terang, manakala burung betina mempunyai paruh berwarna sedikit gelap. Dari segi status pemuliharaan, burung ini dikategorikan sebagai Least Concern (Kurang Membimbangkan) dalam senarai merah spesies terancam Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (International Union for Conservation of Nature (IUCN) Red List) dan juga tidak termasuk dalam senarai Konvensyen Perdagangan

Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam (CITES).

Spesies ini biasanya ditemui di kawasan hutan tanah rendah yang berhijau dan hutan paya air tawar, terutamanya di rantau *kitani*, iaitu di Semenanjung Malaysia, Sumatera, Borneo, Filipina, India dan Singapura. Burung Pekaka Api gemar berada di lapisan bawah hutan, bersembunyi secara senyap di sebalik dahan dan dedaun untuk memburu.

Burung ini sangat aktif berburu pada waktu awal pagi dan lewat petang. Makanan utamanya terdiri daripada serangga seperti rama-rama, semut, kumbang, dan belalang. Menerusi teknik *bertengkurak* iaitu duduk diam di atas dahan, ia akan menyambar mangsa dengan pantas secara tiba-tiba.

Walaupun bersaiz kerdil, Burung Pekaka Api memainkan peranan yang cukup besar dalam ekosistem hutan hujan tropika. Selain membantu mengawal populasi serangga perosak, burung ini juga menjadi sumber makanan penting bagi pemangsa yang lebih besar sekali gus memelihara keseimbangan rantaian makanan di hutan *kitani*.

Kehadiran Burung Pekaka Api



Sumber Foto : Ian Anyhony Echual, BWPC 2022, JPH


sebenarnya menjadi penanda aras kepada kesihatan hutan *kitani*. Habitat yang bersih dan terpelihara membolehkan spesies ini terus membiak serta mencari makanan dengan selamat. Sebab itulah, pemeliharaan hutan simpan amat penting bukan sahaja untuk melindungi burung ini, malah demi memelihara seluruh biodiversiti negara.

Marilah kita bersama-sama memelihara hutan *kitani* supaya spesies seperti Burung Pekaka Api terus membiak dan memberi

manfaat kepada alam semula jadi. Usaha pemuliharaan ini bukan sahaja melindungi satu spesies, malah memelihara seluruh rantaian kehidupan yang bergantung kepadanya.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : [forestry.brunei](https://www.instagram.com/forestry.brunei).

INDIVIDU DIKOMPAUN KERANA BUANG SAMPAH DI TEMPAT AWAM



TINDAKAN tegas telah diambil terhadap satu kes pelanggaran di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggagal 30), Bab 12(1), setelah seorang warga tempatan didapati membuang sampah di kawasan letak kereta awam Jalan Residency, Bandar Seri Begawan. Orang ramai adalah disarankan supaya tidak membuang, melonggokkan, menumpahkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah-sarap, cecair dan sisa perniagaan di sebarang tempat awam.

Lampai.

Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan ingin mengingatkan orang ramai, dan pengguna-pengguna letak kereta awam, bahawa adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggagal 30) jika sekiranya kebersihan alam sekitar tidak dijaga bersama, yang mana denda maksima, jika didapati sabit kesalahan, adalah sebanyak BND30,000, dihukum penjara tidak melebihi tempoh 12 bulan, atau keduanya sekali.

Orang ramai adalah disarankan supaya tidak membuang,



melonggokkan, menumpahkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah-sarap, cecair dan sisa perniagaan di sebarang tempat awam.

Orang ramai dialu-alukan untuk

mengemukakan aduan atau berkongsi maklumat jika sekiranya mendapati pesalah yang melanggar peraturan ini melalui nombor talian Hotline Seksyen Penguatkuasaan +673 7291122.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 September. - Seksyen Penguatkuasaan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan terus memperketat tindakan undang-undang ke atas kesalahan pembuangan sampah di tempat awam demi memelihara kebersihan dan persekitaran di ibu negara.

Dalam tindakan penguatkuasaan yang dijalankan pada 19 Ogos 2026, pihak

berkuasa telah mengambil tindakan tegas terhadap satu kes pelanggaran di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggagal 30), Bab 12(1) iaitu seorang warga tempatan, Pengiran Muhammad Hakim Aqmar Syazzryn bin Pengiran Ainul Airin dikenakan kompaun BND100 setelah didapati membuang sampah di kawasan letak kereta awam Jalan Residency, Bandar Seri Begawan berdekatan Sungai

Kereta Kawalan Jauh : Hobi lama kembali beraksi



Oleh : Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz
Foto : Ihsan Pg. Mohamad Ridzwanuddin

KERETA Kawalan Jauh atau Remote Control Car (RC) adalah sejenis kenderaan mainan yang boleh dikawal pergerakannya dari jarak jauh dengan menggunakan alat kawalan tanpa wayar. RC bukanlah sesuatu perkara yang baharu tetapi bagi sesetengah individu, ia mungkin mengimbau kembali kenangan zaman kanak-kanak mereka dengan bermain bersama keluarga atau rakan-rakan.

Hobi yang pernah popular suatu ketika dahulu kembali mendapat perhatian, bukan sahaja dalam kalangan kanak-kanak dan remaja malah dalam kalangan orang dewasa yang meminati RC ini.

Seiring dengan perkembangan teknologi, RC kini hadir dengan pelbagai reka bentuk, fungsi dan tahap keupayaannya bahkan jauh berbeza dengan model ringkas yang hanya bergerak ke hadapan, mengundur dan membelok. Setiap model RC mempunyai spesifikasi yang berbeza, antaranya dari segi saiz, jenis motor, sumber kuasa, sistem pacuan, kelajuan maksimum dan jarak kawalan. Sesetengah model turut dilengkapi dengan ciri tambahan seperti lampu LED, sistem suspensi serta reka bentuk yang sesuai untuk digunakan di permukaan jalan yang berbeza.

Dalam dunia RC, terdapat pelbagai jenis kereta yang boleh

dipilih mengikut minat dan cara penggunaannya. Antaranya ialah RC *drift* yang memerlukan kawalan stereng dan kelajuan yang tepat serta melakukan aksi seperti gelongsor, manakala RC *off-road* pula sesuai untuk permukaan yang tidak rata, sementara RC *crawler* mampu untuk merentasi seperti kawasan berbatu dan laluan mencabar dan RC *racing* lebih menumpukan kepada kelajuan dan kecekapan kawalan di litar.

Salah satu tarikan hobi RC ialah melakukan modifikasi. Pemilik boleh menyesuaikan badan kereta, rim, tayar, suspensi dan aksesori tertentu mengikut cita rasa. Pemilik bukan sahaja dapat menghasilkan RC yang lebih unik, malah dapat mengasah kreativiti, ketelitian dan kesabaran. Bagi yang berminat mendalami aspek teknikal, hobi ini turut membuka ruang untuk mengenali asas mekanikal, elektronik dan penyelenggaraan. Mengendalikan RC juga memerlukan fokus, koordinasi mata dan tangan serta keupayaan untuk mengawal pergerakan RC di tempat-tempat yang bersesuaian.

Dalam zaman yang semakin dipenuhi *gadget* ini, hobi ini boleh menjadi salah satu pilihan aktiviti riadah bersama keluarga atau mengisi masa lapang.

Hobi sebegini sesuai untuk semua peringkat umur, sama ada

kanak-kanak, remaja atau dewasa kerana ia membantu untuk meningkatkan fokus seperti arah, jarak dan koordinasi malah meneroka aspek kawalan, modifikasi dan penyelenggaraan RC.

Media sosial juga turut memainkan peranan dalam menaikkan semula hobi RC di mana para penggemar memuat naik video-video pendek mengenai RC seperti aksi RC, perlumbaan dan hasil modifikasi yang mudah menarik perhatian para penggemar yang lain.

Dengan perkongsian tersebut membolehkan orang ramai

mengenali pelbagai jenis model, mendapatkan idea modifikasi serta melihat cara penggemar lain mengembangkan hobi mereka.

Bagi yang baru hendak berjinak-jinak dengan hobi ini, tidaklah semestinya bermula dengan model berharga tinggi atau mempunyai spesifikasi canggih. Dengan model asas juga sudah memadai untuk mengenali cara mengawal dan menentukan jenis RC yang diminati.

Walaupun ia menyeronokkan, aspek keselamatan tidak boleh diabaikan. Pemeriksaan terhadap bateri, alat kawalan, tayar dan komponen lain sebelum

digunakan juga penting bagi memastikan RC berada dalam keadaan baik. Apabila hendak menggunakan RC ini hendaklah di kawasan yang bersesuaian, lapang dan tidak mengganggu lalu lintas, pejalan kaki atau pengguna kemudahan awam.

Kesimpulannya, RC bukanlah sekadar permainan, tetapi satu hobi yang menggabungkan kreativiti, pembelajaran, penguasaan kemahiran serta interaksi sosial. Walaupun zaman berubah, kemajuan teknologi menjadikan RC terus berkembang dan menarik untuk diterokai oleh pelbagai peringkat umur.



PMKS tulang belakang ekonomi negara

SALAH satu kepentingan utama Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) di Negara Brunei Darussalam (NBD) ialah sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). PMKS menjana hasil ekonomi yang signifikan melalui pelbagai sektor seperti pembuatan, perkhidmatan, pertanian dan teknologi. Selain itu, perusahaan ini juga memperkukuh struktur ekonomi domestik melalui aktiviti perdagangan tempatan, justeru sumbangan kolektif daripada PMKS memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan negara. Tambahan pula, kestabilan ekonomi yang dicipta oleh PMKS turut membantu negara bersedia menghadapi kemelesetan global.

Sumbangan, inovasi dan daya tahan mereka kepada pembangunan ekonomi tidak boleh dipandang ringan, oleh itu, menjadi tanggungjawab bagi pihak berkepentingan dan pembela komuniti keusahawanan untuk menyemai sebuah persekitaran yang memupuk kemakmuran serta kemajuan mereka. Di samping itu, ia juga untuk memastikan bahawa PMKS mempunyai akses kepada sumber dan kemahiran yang diperlukan bagi kelestarian dan pertumbuhan mereka.

PMKS memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sebuah negara

PMKS juga turut memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi sebuah negara. Dengan potensi untuk mencipta peluang pekerjaan, meningkatkan

pendapatan dan menyokong kelestarian sosioekonomi, penting untuk memajukan sektor ini. Peningkatan dalam sektor ini akan memberi manfaat kepada pelbagai pihak termasuk usahawan, pekerja dan juga masyarakat secara keseluruhannya.

Mengenai sumbangan PMKS kepada negara pula ia merupakan tulang belakang yang tidak terlihat tetapi sangat kuat. Walaupun sumbangan setiap perniagaan itu kecil, apabila pelbagai PMKS bergabung, ia mampu menjadi kuasa ekonomi yang besar. Bahkan PMKS juga mampu mewujudkan peluang pekerjaan, mengurangkan kadar pengangguran, menggerakkan peredaran wang di dalam negara dan memelihara warisan serta produk tempatan negara sendiri. Ia adalah benteng ekonomi yang memastikan kekayaan negara tidak mengalir keluar, tetapi ia berlegar untuk kesejahteraan rakyat sendiri tetapi ini juga perlu dengan adanya sokongan kuat dan bantuan daripada pihak-pihak berkepentingan bagi mewujudkan semua ini.

Oleh itu, menyokong PMKS bukanlah sekadar membantu satu perniagaan tersebut, tetapi membantu membina sebuah negara yang berdikari, berdaya tahan dan diberkati. Setiap pendapatan yang kita belanjakan adalah doa dan pelaburan untuk masa depan ekonomi dan juga bagi membantu pendapatan rakyat di negara ini terutama sekali bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Namun, sektor PMKS berdepan cabaran-cabaran baharu seperti peningkatan kos operasi, persaingan yang

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg Durahman

semakin sengit, jangkaan pelanggan yang semakin tinggi, dan ancaman siber yang semakin kompleks. PMKS adalah nadi ekonomi negara, bukan sahaja penyumbang kepada KDNK dan peluang pekerjaan, tetapi juga penggerak inovasi.

Menangani cabaran utama

Secara keseluruhannya, walaupun PMKS ialah pemacu utama ekonomi negara, mereka masih menghadapi pelbagai cabaran. Ramai pengusaha kecil terhalang oleh kos pendigitalan awal yang tinggi, kekurangan kemahiran dan risiko keselamatan yang mengancam operasi mereka.

Jika tidak ditangani, kelemahan ini boleh menyebabkan PMKS tempatan ketinggalan dalam dunia digital yang semakin pesat. Ramai usahawan terutama usahawan mikro berdepan dengan cabaran untuk mengadaptasi teknologi digital kerana terbatasi oleh faktor kos, kemahiran dan masa.

Dengan membantu PMKS melalui kempen yang diurus secara profesional di pelbagai platform utama yang lengkap dengan reka bentuk kreatif, strategi kandungan dan laporan prestasi, ini membolehkan usahawan memberi tumpuan sepenuhnya kepada strategi pertumbuhan dan jualan. Salah satu darinya seperti memperkasa pengiklanan digital tempatan. Lebih daripada sekadar tontonan, ia

membantu melengkapkan suasana di premis PMKS dan meningkatkan reputasi jenama, tanpa keperluan untuk pemilik premis berhadapan kerumitan teknikal dan kos penyelenggaraan. Ia membantu mengurangkan ketidakhadiran pelanggan, menjimatkan masa, dan memastikan pengalaman pelanggan lebih cekap dan profesional.

Selain itu, usaha kerajaan juga patut dipertingkatkan dengan pelbagai inisiatif untuk membantu PMKS, oleh itu, kerjasama antara kerajaan, sektor kewangan dan masyarakat amat diperlukan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi, terutamanya dalam pembiayaan, digitalisasi dan pengurusan sumber manusia. Dengan sokongan yang lebih kukuh, PMKS berpotensi untuk berkembang dan memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan ekonomi negara.

Kesimpulannya

Itulah kepentingan PMKS, ia bukan sahaja memberi manfaat dalam aspek ekonomi, tetapi turut meningkatkan kehidupan masyarakat tempatan dengan menyediakan peluang pekerjaan dan menggalakkan penggunaan produk tempatan. Oleh itu, adalah penting bagi kita terus menyokong dan menggalakkan pertumbuhan PMKS agar ekonomi negara terus berkembang dengan pesat dan seimbang.

SU AGUNG PBB SERU USAHA GLOBAL WUJUDKAN MEKANISME KAWALAN UNTUK AI



NEW YORK, 17 Sept. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres pada Rabu menggesa usaha global yang diselarasakan untuk mewujudkan mekanisme kawalan dan perlindungan bagi Kecerdasan Buatan (AI), lapor Xinhua.

"Kita memerlukan pemahaman bersama mengenai cara memajukan pembangunan AI yang selamat, terjamin dan bertanggungjawab, sambil mengenal pasti bila sistem yang semakin berkuasa mungkin memerlukan langkah perlindungan lebih ketat atau langkah tambahan untuk menguruskan risiko yang berpotensi," kata Guterres dalam sidang akhbar menjelang minggu peringkat tinggi Perhimpunan Agung PBB tahun ini.

"Ini memerlukan kerjasama antarabangsa yang tulen dan usaha global yang diselarasakan".

Beliau memberi amaran bahawa dunia tidak boleh membiarkan berlakunya kemerosotan tahap keselamatan AI di tengah-tengah perpecahan geopolitik.

"Kita memerlukan mekanisme kawalan untuk membina kepercayaan dan menjadikan AI selamat, telus, serta bertanggungjawab, dengan meletakkan maruah manusia sebagai teras utama. Pada masa dunia menghadapi tiga ancaman kewujudan iaitu Kecerdasan Buatan yang tidak terkawal, krisis iklim dan jurang ketidaksamaan yang semakin melebar ke tahap yang tidak boleh diterima, kerjasama antarabangsa sangat mustahak ketika ini," katanya.

Beliau berkata AI mempunyai potensi besar untuk mempercepat pembangunan mampuan, meningkatkan pembelajaran, mengukuhkan sistem kesihatan, meningkatkan daya tahan iklim dan banyak

lagi.

Namun katanya semakin banyak pihak yang membangunkan teknologi itu mula membunyikan amaran, menyatakan bahawa pembangunan teknologi tersebut bergerak lebih pantas daripada pemahaman mengenai risikonya.

Sesetengah pihak menggesa supaya pembangunan dihentikan seketika. Ramai pula yang menggesa supaya mekanisme kawalan diwujudkan, kata Guterres.

"Kita tidak boleh mengabaikan kebimbangan yang telah dibangkitkan, terutamanya oleh mereka yang berada di barisan hadapan dalam pembangunan AI".

Beliau berkata kerajaan mesti memikul tanggungjawab mereka. Tanggungjawab utama mana-mana kerajaan adalah melindungi rakyatnya, termasuk daripada ancaman AI namun

penyelarasan global juga amat penting kerana AI tidak terbatas pada sempadan negara, begitu juga dengan risikonya, jelas beliau.

Langkah menghentikan pembangunan secara sukarela yang bersifat terpencil, tidak dapat disahkan, dan

dilaksanakan secara tidak sekata tidak akan menyelesaikan masalah tersebut, tegas Guterres.

"Jika kita percaya bahawa pembangunan AI perlu diperlahankan apabila risiko menjadi terlalu besar, kita memerlukan lebih daripada sekadar niat yang baik". - ©BERNAMA

Lelaki hilang disyaki diserang jerung di Australia

SYDNEY, 18 Sept. - Seorang lelaki dilaporkan hilang pada Jumaat selepas disyaki diserang seekor jerung ketika berenang di luar pantai Perth, Australia Barat, lapor Agensi Berita Jerman (DPA) yang memetik media tempatan.

Lelaki itu diserang kira-kira 50 meter dari Pantai Sorrento di utara bandar berkenaan, menurut saksi dan polis yang dipetik media Australia.

Seorang jururawat yang menyaksikan kejadian itu memberitahu Sydney Morning Herald bahawa dia melihat lelaki berkenaan 'dibaham' seekor jerung.

Seorang lagi saksi memberitahu penyiar awam ABC bahawa dia melihat darah di dalam air selepas serangan itu.

Lelaki yang hilang itu dipercayai sedang berenang bersama seorang lagi individu, yang berjaya kembali ke pantai.

Polis dan sebuah helikopter polis terlibat dalam operasi mencari perenang yang hilang itu.

Pantai Sorrento, kira-kira 20 kilometer di utara pusat bandar Perth, akan kekal ditutup kepada perenang sekurang-kurangnya sehingga Sabtu, menurut platform SharkSmart.

Kejadian itu berlaku hanya beberapa hari selepas seorang peluncur berusia 56 tahun diserang jerung di Pantai Glenfield, lebih 400 kilometer di utara Perth. Dia dilaporkan kehilangan sebelah kaki dalam serangan itu. - ©BERNAMA

Meta setuju lapor kandungan penderaan seksual kanak-kanak kepada Republik India

ISLAMABAD, 16 Sept. - Meta pada Selasa memaklumkan bahawa syarikat itu akan mula melaporkan kes berkaitan keselamatan kanak-kanak secara langsung kepada pihak berkuasa India, sambil menegaskan semula komitmennya untuk menangani eksploitasi kanak-kanak dalam talian dan jenayah berkaitan, lapor Anadolu Ajansi memetik media kerajaan.

"Melindungi kanak-kanak di platform kami merupakan keutamaan dan kami komited untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi memastikan pelaku jenayah ini dipertanggungjawabkan," menurut jurucakap Meta seperti dipetik Doordarshan Radio yang dikendalikan kerajaan.

"Bagi memperkukuh usaha bersama dalam memerangi ancaman ini, Meta kini akan melaporkan perkara berkaitan keselamatan kanak-kanak secara langsung kepada portal Jenayah Siber yang dikendalikan Pusat

Penyelarasan Jenayah Siber India," kata jurucakap itu.

Langkah itu dibuat ketika New Delhi terus memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kebertanggungjawaban platform digital dan memastikan penyedia perkhidmatan dalam talian mengambil langkah sewajarnya bagi mencegah penyebaran kandungan berbahaya, khususnya yang menjejaskan kanak-kanak.

Ia turut menyusuli siasatan BBC Eye mengenai iklan berbayar yang mempromosikan bahan penderaan seksual kanak-kanak di platform Meta.

Siasatan yang diterbitkan pada Julai itu mendapati Instagram milik Meta menyiarkan iklan berbayar yang mempromosikan bahan berkenaan di Republik India.

Penemuan itu mendorong kerajaan Republik India mengarahkan Meta menghapuskan semua iklan dan kandungan yang mempromosikan bahan penderaan kanak-kanak

daripada platformnya.

Meta yang mengendalikan beberapa platform media sosial utama termasuk WhatsApp, Facebook, dan Instagram berkata langkah itu sebahagian daripada usaha memperkukuh penyelarasan dengan pihak berkuasa Republik India dalam menangani isu berkaitan keselamatan kanak-kanak dan jenayah dalam talian.

Suruhanjaya Kebangsaan bagi Perlindungan Hak Kanak-Kanak minggu lepas memanggil Pengarah Urusan dan ketua Meta India berhubung siasatan terhadap dakwaan iklan berkaitan bahan penderaan seksual kanak-kanak.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan sebelum ini mengarahkan polis New Delhi menjalankan siasatan menyeluruh terhadap dakwaan bahawa iklan berbayar di Instagram mempromosikan bahan penderaan seksual kanak-kanak. - ©BERNAMA

Dua rakyat Malaysia cuba seludup 10 kg ganja ditahan di Republik Singapura

REPUBLIK SINGAPURA, 18 Sept. - Pihak berkuasa Republik Singapura menahan seorang lelaki berusia 36 tahun dan seorang wanita berusia 35 tahun, kedua-duanya rakyat Malaysia, kerana cuba menyeludup dadah dipercayai ganja seberat kira-kira 10 kilogram.

Pihak Berkuasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) berkata dadah yang dirampas dianggarkan bernilai lebih S\$203,000 (kira-kira RM649,000) dan boleh digunakan oleh 1,450 penagih selama seminggu.

Menurut agensi itu,

kedua-duanya yang menunggang motosikal berdaftar Malaysia ditahan apabila tiba di Pusat Pemeriksaan Tuas pada 15 September, berdasarkan maklumat yang diterima daripada Pusat Sasaran Bersepadu ICA.

"Ketika pemeriksaan, pegawai ICA menemukan empat berkas bahan sayuran dipercayai dadah terkawal di bawah tempat duduk motosikal.

"Pegawai Biro Narkotik Pusat (CNB) segera dimaklumkan mengenai pengesanan itu dan menjalankan pemeriksaan lanjut, menemui enam lagi berkas bahan

sayuran yang dipercayai dadah terkawal dalam beg sandang hitam pada palang motosikal," kata ICA dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurut ICA, bungkusan yang dirampas itu didapati mengandungi sejumlah 10,164 gram ganja.

"Siasatan sedang dijalankan. Di bawah Seksyen 7 Akta Penyalahgunaan Dadah 1973, mereka yang mengimport atau mengeksport dari Singapura lebih 500 gram ganja boleh berdepan hukuman mati," tambah ICA. - ©BERNAMA

ASEAN tempatkan bekalan bantuan lebih awal di 4 negara percepat respons bencana

MANILA, 16 Sept. - ASEAN telah menempatkan bekalan bantuan bencana lebih awal di empat negara anggota bagi mempercepat mobilisasi bantuan apabila berlaku kecemasan dan bencana, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Pada sidang media sempena Persidangan Menteri-Menteri ASEAN mengenai Daya Tahan Bencana (AMCDR) di Pasay City pada Selasa, Setiausaha Rendah Pejabat Pertahanan Awam Harold Cabrerros berkata bekalan bantuan serantau telah ditempatkan lebih awal di Republik Filipina, Thailand, Malaysia dan Republik Indonesia.

Simpanan stok bekalan yang diwujudkan menerusi Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Bantuan Kemanusiaan mengenai Pengurusan Bencana (AHA Centre) itu bertujuan menempatkan sumber kecemasan lebih dekat dengan komuniti terjejas dan membolehkan negara anggota bertindak balas dengan lebih cepat terhadap bencana.

"Kami sedang menubuhkan gudang serantau menerusi AHA Centre. Mereka telah menubuhkan gudang di Republik Filipina, Thailand, Malaysia dan Republik Indonesia," kata Cabrerros.

Beliau menyifatkan AHA Centre yang berpangkalan di Republik Indonesia sebagai 'pusat penyelarasan utama pengurusan bencana ASEAN'.

Cabrerros berkata empat gudang serantau itu akan membolehkan negara anggota ASEAN menggembelng sumber bantuan dengan lebih pantas, di samping melengkapi usaha tindak balas bencana di negara masing-masing.

Beliau berkata pengaturannya itu melaksanakan pendekatan ASEAN 'Satu ASEAN, Satu Respons', yang menandakan ulang tahun ke-10 tahun ini.

Inisiatif itu bertujuan memperkukuh penyelarasan dan pergerakan sumber serta bantuan rentas sempadan apabila sesebuah negara anggota dilanda bencana besar.

Selain menempatkan bekalan lebih awal, negara anggota ASEAN turut memperkukuh keupayaan pengurusan bencana menerusi latihan, perkongsian pengetahuan dan pertukaran pengalaman.

Cabrerros berkata usaha itu menterjemahkan solidariti ASEAN kepada tindakan praktikal ketika rantau ini berusaha memperkukuh kerjasama, menjangka risiko dan menambah baik sistem amaran awal supaya pihak berkuasa dapat bertindak sebelum bencana berlaku.

AHA Centre ditubuhkan di bawah Perjanjian ASEAN mengenai Pengurusan Bencana dan Tindak Balas Kecemasan (AADMER) bagi memudahkan kerjasama dan penyelarasan antara negara anggota dalam pengurusan bencana dan tindak balas kecemasan. - ©BERNAMA

KONTINJEN NBD TIBA DI AICHI-NAGOYA BAGI SUKAN ASIA KE-20



ROMBONGAN kontinjen Negara Brunei Darussalam bagi Sukan Asia Ke-20, 2026 telah selamat tiba di Aichi-Nagoya, Jepun (kiri dan kanan).

Rombongan telah melalui akreditasi sebelum berangkat ke penginapan masing-masing. Para atlet dan pegawai berada dalam keadaan baik dan sihat.

Pihak penganjur memastikan kesejahteraan semua atlet dan pegawai semasa urusan daftar masuk ke Cruise Ship bagi pasukan wusyu dan urusan pasukan karate di Hotel Toyohashi.

Kedua-dua pasukan menjalani



Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia kontinjen Negara Brunei Darussalam ke 20th Asian Games 2026

latihan adaptasi di lokasi pertandingan pada sebelah pagi diadakan pada sebelah petang di tadi. Sementara Acara Team Athlete Plaza Garden Pier.

PGGMB buka 3 gelanggang pickleball

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei



YANG Dipertua Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri hadir pada majlis pelancaran gelanggang dan demonstrasi sukan *pickleball* berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 September. - Dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kualiti sukan di Sekolah-sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), tiga buah gelanggang *pickleball* dilancarkan hari ini.

Pembukaan gelanggang berkenaan merupakan hasil inisiatif dan kerjasama antara PGGMB dengan Syarikat Racquet & Company bagi mengembangkan kemahiran dalam sukan *pickleball* khususnya dalam kalangan para pelajar dan warga sekolah.

Antara tujuan utama pembukaan gelanggang tersebut adalah untuk memberi ruang kepada generasi muda dan masyarakat umum menceburi *pickleball* yang kini mendapat perhatian dan sambutan yang menggalakkan di negara ini.

Inisiatif berkenaan juga dihasratkan untuk meningkatkan kualiti sukan dalam kalangan para pelajar di Sekolah-sekolah PGGMB, di samping menggalakkan para guru dan keluarga untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan demi menjaga kesihatan serta mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Selain itu, pembukaan gelanggang berkenaan diharap dapat memperluaskan jaringan positif antara PGGMB dengan masyarakat.

Pengarah Sukan PGGMB, Dayang Suryanti binti Haji Mohd. Noor, berkata pembukaan gelanggang *pickleball* itu merupakan satu inisiatif positif dalam usaha meningkatkan kualiti sukan dalam kalangan para pelajar, guru, ibu bapa dan masyarakat umumnya.

Menurut beliau, PGGMB melihat sukan *pickleball* mendapat sambutan yang sangat baik di negara ini dan perkembangan tersebut turut berpotensi memberikan sumbangan kepada kegiatan ekonomi PGGMB.

Beliau turut menekankan bahawa sukan bukan sahaja memberi manfaat dari segi kesihatan, malah mampu menyatukan masyarakat serta membentuk generasi yang lebih aktif. "Sukan Menyihatkan, Sukan Menyatukan dan Sukan Membina Generasi," ujarnya.

Hadir pada majlis pelancaran gelanggang dan demonstrasi sukan *pickleball* tersebut ialah Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri. Turut hadir, Ahli Jawatankuasa Tertinggi (JKTT), Ahli Jawatankuasa PGGMB, para jemputan serta guru-guru Sekolah PGGMB.

Dengan adanya kemudahan tersebut, sukan *pickleball* diharap akan menjadi antara pilihan dan sukan kegemaran para murid, guru, ibu bapa serta masyarakat umum. Sukan berkenaan dilihat praktikal, menyeronokkan untuk dilakukan bersama keluarga dan sesuai dijadikan sebagai salah satu aktiviti riadah yang sihat.

Para pengguna gelanggang juga diharap akan sama-sama bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan, kemudahan serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan fasiliti berkenaan dapat dimanfaatkan secara berterusan.

NAGOYA, JEPUN, Khamis, 17 September. - Rombongan kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Sukan Asia Ke-20, 2026 telah selamat tiba di Aichi-Nagoya, Jepun, kelmarin.

DPMM FC mara ke suku akhir Piala FA Malaysia 2026 / 2027

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Azmah Haji Ahad, Tangkap Layar RTBgo

KUALA TERENGGANU, Khamis, 17 September. - DPMM FC terus menghidupkan impian dalam misi memburu kejayaan bagi saingan Piala FA Malaysia 2026 / 2027 apabila menyingkirkan Terengganu FC dengan kemenangan 3 - 1 pada aksi perlawanan pusingan 16 di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, baru-baru ini.

Kemenangan tersebut menyaksikan DPMM FC berjaya menebus kekalahan 2 - 3 pada aksi pertama di tempat sendiri, sekali gus mengesahkan kemaraan ke peringkat suku akhir dengan kemenangan agregat 5 - 4.

Tiga jaringan menjadi pemisah antara kedua-dua pasukan, dengan Danial Asri membuka tirai jaringan seawal minit ke-8 menerusi tandukan kemas yang gagal diselamatkan penjaga gawang Terengganu FC, Suhaimi Husin.

Terengganu FC bagaimanapun bangkit menyamakan kedudukan

pada minit ke-44 menerusi Manuel Ott, menjadikan kedudukan 1-1 sehingga tamat separuh masa pertama.

Memasuki babak kedua, DPMM FC kembali memperkemas rentak permainan dalam usaha memburu jaringan yang mampu mengubah kedudukan agregat.

Usaha itu membuahkan hasil pada minit ke-54 apabila Miguel Oliveira melepaskan rembatan padu yang menerjah gawang Terengganu FC untuk meletakkan DPMM FC di hadapan 2 - 1.

Jordan Murray kemudian melengkapkan malam gemilang DPMM FC apabila menjaringkan gol ketiga pada minit ke-65, hasil gerakan serangan yang tersusun dan kemas.

Terengganu FC terus mengasak bagi mencari gol penyamaan, namun barisan pertahanan DPMM FC kekal bertahan sehingga wisel penamat, sekali gus mengesahkan kemenangan 3 - 1


dan agregat 5 - 4.

Kejayaan tersebut menempatkan DPMM FC dalam kelompok lapan pasukan terbaik yang akan berentap di peringkat suku akhir perlawanan.

Menanti DPMM FC pada peringkat seterusnya ialah menentang Kuala Lumpur City yang dijadualkan berlangsung pada 20 September ini, sekali gus menuntut pasukan berkenaan untuk terus memperkemas strategi, meningkatkan konsistensi serta menggandakan prestasi bagi menghadapi cabaran yang lebih getir.

Kemenangan ke atas Terengganu FC bukan sekadar tiket ke suku akhir, malah menjadi suntikan semangat kepada DPMM FC untuk terus melangkah lebih jauh dalam misi memburu kejuaraan Piala FA Malaysia musim ini.

DPMM FC kini semakin hampir dengan impian dan setiap perlawanan selepas ini bakal menjadi ujian penting menuju pentas kejuaraan.



DPMM FC berjaya mara ke suku akhir Piala FA Malaysia 2026 / 2027 setelah menewaskan Terengganu FC dengan mata 3 - 1 pada aksi perlawanan pusingan 16 di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin.

SPAR V4.0 PERKASA BUDAYA PENYELIDIKAN, KEJURULATIHAN SUKAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Khamis, 17 September. - Sekolah Sukan pagi tadi mengadakan Majlis Pelancaran Pembentangan Kajian Tindakan Sukan v4.0 (Sports Action Research Presentation - SpAR v4.0) Tahun 2026, bertempat di Sekolah Sukan, Kampung Pulaie, Jalan Kebangsaan, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Pendidikan dan Ketua Unit Tenaga Pengajar, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLT), Kementerian Pendidikan, Dr. Roslena binti Pehin Dato Seri Laila Jasa Haji Johari.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kerajaan dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, serta wakil-wakil persatuan dan persekutuan sukan.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Pendidikan di Sekolah Sukan, Awang Muhd.

Hadi Hamizan bin Abd. Rahman, sebelum diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua Sekolah Sukan, Alexandar bin Bandang.

Acara kemudiannya diserikan dengan dengan tayangan video pengenalan mengenai SpAR v4.0. Majlis diselajurkan dengan penyerahan insentif kepada atlet-atlet Sekolah Sukan yang berjaya meraih pingat dalam beberapa kejohanan di peringkat serantau dan antarabangsa, iaitu Badminton Asia SEA Regional Championship di Kemboja, RS Athletic Championship di Sabah, serta North Borneo Karate do Championship 2026 di Kota Kinabalu, Sabah.

Penyerahan insentif tersebut merupakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan atas pencapaian cemerlang para atlet Sekolah Sukan yang telah mengharumkan nama sekolah melalui kejayaan mereka dalam kejohanan-kejohanan berkenaan.

Acara diteruskan dengan sesi SpAR v4.0 oleh jurulatih-jurulatih, guru-guru serta penyampai

jemputan yang berlangsung di ruang Atrium sekolah berkenaan.

Juga diadakan penyampaian sijil penghargaan kepada para penerima dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Pelaksanaan SpAR v4.0 bertujuan untuk membarigakan dan menengahkan hasil-hasil kajian tindakan sukan yang telah dilaksanakan oleh jurulatih-jurulatih Sekolah Sukan, guru-guru serta para peserta yang terlibat.

Inisiatif ini juga dihasratkan untuk meningkatkan mutu dan keberkesanan amalan kejurulatihan melalui pendekatan berasaskan bukti, di samping menggalakkan perkongsian ilmu, pengalaman dan amalan terbaik dalam bidang sukan. Program ini seterusnya diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan profesional jurulatih sukan yang berterusan, memperkukuh budaya penyelidikan dalam bidang kejurulatihan dan pembangunan atlet, serta menyokong usaha meningkatkan kualiti pembangunan sukan di Negara Brunei Darussalam pada masa akan datang.



PEMANGKU Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Pendidikan dan Ketua Unit Tenaga Pengajar, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan, Dr. Roslena binti Pehin Dato Seri Laila Jasa Haji Johari hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan kepada para penerima (atas sekali dan atas).

Majlis Sambutan Atlet Sukan Asia Ke-20



MAJLIS Sambutan berkenaan dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Pengarah, Jawatankuasa Penganjur Sukan Aichi-Nagoya (atas). Sementara gambar bawah, Kontinjen NBD yang terdiri daripada 10 orang semasa sesi bergambar ramai di majlis tersebut.

NAGOYA, JEPUN, Khamis, 17 September. - Majlis Sambutan Mengalu-alukan para Atlet Sukan Asia Ke-20, Aichi Nagoya 2026 (20th Asian Games Aichi-Nagoya 2026) berlangsung di Garden Pier Villa, di sini.

Majlis dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Pengarah, Jawatankuasa Penganjur Sukan Aichi-Nagoya, Naoki Matsui.

Acara kemudiannya diteruskan dengan upacara menaikkan bendera negara-negara peserta. Bagi sesi ke-6, upacara dimulakan dengan menaikkan bendera negara Republik Rakyat Bangladesh, Negara Brunei Darussalam (NBD), Kemboja, Iraq, Republik Korea dan Republik Kesatuan Myanmar.

Kontinjen NBD diwakili oleh 10 orang yang terdiri daripada atlet-atlet wusyu serta pegawai dan jurulatih, dan diketuai oleh Dayang Nur 'Iffah Natasha Sofea Abdullah, selaku Chef de Mission.

Majlis berlangsung dengan lancar dan menjadi salah satu acara rasmi dalam persiapan Kontinjen NBD menjelang penyertaan di 20th Asian Games Aichi-Nagoya 2026.

Dalam perkembangan lain, Pasukan wusyu dan atlet karate juga telah memulakan latihan-latihan di venue pertandingan.

Sukan karate akan bermula dari 20 hingga 23 September 2026

manakala sukan wusyu akan bermula dari 20 hingga 24 September 2026.

Sesi latihan di venue pertandingan ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada atlet membiasakan diri dengan suasana, kemudahan dan persekitaran pertandingan, di samping memastikan tahap kesiapsiagaan atlet berada pada tahap yang optimum menjelang hari pertandingan.

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-20, 2026







TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA, JAUHI TELEFON BIMBIT.

WATCH THE ROAD, KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.

Road Safety Depends on #YouAndMe



BERANGKAT MENYAKSIKAN LATIHAN ATLET NEGARA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan latihan atlet wusyu negara (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, Awangku Ahmad Munib Aiman Pengiran Haji Md. Hasimudin semasa menjalani latihan di Toyokawa Gymnasium.

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-20, 2026

NAGOYA, JEPUN, Jumaat, 18 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of

Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menyaksikan latihan atlet wusyu negara di Aichi Perfectural Martial Arts Hall, pada Sukan Asia Ke-20 Tahun 2026

(20th Asian 2026), di Aichi-Nagoya, Jepun.

Sementara itu, atlet karate negara, iaitu Awangku Ahmad Munib Aiman Pengiran Haji Md. Hasimudin juga sedang menjalani latihan di Toyokawa Gymnasium. Latihan berkenaan bagi persiapan awal beliau yang akan menyertai sukan karate Kategori Men's Kumite 55 kilogram.

Berkenan berangkat ke Villa Garden Pier



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Villa Garden Pier dan seterusnya berkenan mengurniakan sabda nasihat kepada atlet negara (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-20, 2026

NAGOYA, JEPUN, Jumaat, 18 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke salah satu penginapan rasmi Sukan Asia Ke-20 Tahun 2026 (20th Asian 2026), iaitu Villa Garden Pier yang menempatkan kontinjen Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dijunjung oleh Chef de Mission (CDM), Dayang Nur Iffah Natasha Sofea binti Abdullah.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mengurniakan sabda nasihat dan kata-kata semangat kepada atlet karate negara agar lebih berkeyakinan, fokus terhadap perlawanan nanti serta menghargai peluang berharga untuk beraksi di kejohanan sukan yang berprestij berkenaan.

Temasya Sukan Asia Ke-20, Aichi-Nagoya 2026 akan berlangsung dari 19 September hingga 4 Oktober 2026.



Berangkat tiba di Nagoya, Jepun

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-20, 2026

NAGOYA, JEPUN, Khamis, 17 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam berangkat tiba di Nagoya, Jepun bagi menghadiri temasya Sukan Asia Ke-20, Aichi-Nagoya 2026 yang akan berlangsung dari 19 September hingga 4 Oktober 2026.

Menjunjung keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah di hotel penginapan disambut

oleh Operations Director Hilton Nagoya Hotel, Tanya Bamberg.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan berangkat ke salah satu Penginapan Rasmi kejohanan 20th Asian Games 2026 iaitu kapal Cruise Ship Costa Sarena yang menempatkan atlet wusyu negara dan jurulatih.

Semasa berangkat di sana, DYTEM juga berkenan mengurniakan sabda nasihat dan kata-kata semangat kepada atlet-atlet wusyu yang akan mula bertanding pada 20 September 2026 ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Nagoya, Jepun bagi menghadiri temasya Sukan Asia Ke-20, Aichi-Nagoya 2026.

TAHUKAH AWDA

HAD limit atau kekerapan menderma darah bagi seorang penderma darah *whole blood* (darah penuh) di Negara Brunei Darussalam adalah sekurang-kurangnya 56 hari sekali atau kira-kira setiap 8 minggu / 2 bulan. Ini bermaksud seseorang boleh menderma sehingga maksimum 4 hingga 5 kali setahun jika sihat dan layak. Proses pendermaan bagi satu unit darah penuh mengambil masa 8 hingga 10 minit.

SUMBER : Bloodkad

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

GURU ADALAH INSAN YANG MULIA, MENDIDIK SERTA MEMBIMBING KITA UNTUK MEMILIKI AKHLAK MULIA